

"DAN orang-orang yang beriman serta mengerjakan amalan-amalan soleh merekalah ahli syurga, mereka kekal di dalamnya".
Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Al-Baqarah, ayat 82.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.53 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 82 | 11 JULAI 2026 / 1448 محرم 25 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

BERKENAN MENERIMA MENGADAP KETUA HAKIM NEGARA MALAYSIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh. - Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit (Lihat muka 3)

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
 Pelita Brunei | www.pelita-brunei.gov.bn

Berita Utama



KEMENTERIAN Pendidikan kenang jasa bakti para pesara

Muka 7



MSC Ke-27 perkukuh kerjasama ASEAN tangani jerebu rentas sempadan

Muka 9



BENGKEL keibubapaan perkasa kemahiran komunikasi ibu bapa

Muka 18



KHIDMAT masyarakat : Tonggak pembangunan ummah, kesejahteraan negara

Muka 27

JCHS perkukuh tenaga kerja sektor kesihatan negara

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

BERAKAS, Rabu, 8 Julai. – Penubuhan Kolej Sains Kesihatan JPMC (JPMC College of Health Sciences - JCHS) didorong oleh satu matlamat nasional yang jelas.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar berkata, institusi ini ditubuhkan bagi memperkukuh tenaga kerja sektor kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui pembangunan jururawat yang kompeten, penuh simpati dan bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, selaras dengan keperluan penjagaan kesihatan yang sentiasa berkembang.

>> Muka 6

Kesetiaan, kepatuhan asas keharmonian, kestabilan, kemajuan negara

Oleh : Aimi Sani

BERAKAS, Khamis, 9 Julai. – Setiap rakyat memainkan peranan penting dalam menjayakan Wawasan Brunei 2035. Pembangunan sesebuah negara bukan hanya bergantung kepada dasar dan inisiatif kerajaan, malah memerlukan penyertaan aktif, komitmen serta rasa tanggungjawab daripada seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini.

Oleh itu, kita hendaklah menghargai pengurniaan ini dengan menunjukkan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, menjunjung tinggi Perlembagaan Negara

serta falsafah negara iaitu Melayu Islam Beraja (MIB) dan sentiasa mematuhi undang-undang negara. Kesetiaan dan kepatuhan ini adalah asas kepada keharmonian, kestabilan dan kemajuan negara kita.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman pada Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-45, bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

>> Muka 4

IMPACT 2026, platform melahirkan belia masjid berilmu, berakhlak mulia

Oleh : Marlinawaty Hussin

BERAKAS, Jumaat, 10 Julai. – Majlis Penganugerahan Belia IMPACT dan Majlis Pelantikan Belia Masjid yang diadakan sempena Program Pemantapan Bersiri bagi Belia dan Beliawanis Masjid Baharu (IMPACT

2026) menjadi kemuncak penganjaran program berkenaan, yang dihasratkan untuk melahirkan generasi belia dan beliawanis masjid yang berilmu, berakhlak mulia, berdaya kepimpinan serta komited dalam mengimarahkan institusi masjid di negara ini.

>> Muka 5

Membudayakan khidmat masyarakat demi kesejahteraan negara

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen
Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammadin, Wa'alaa Aalihee Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

BERSYUKUR kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinnya jua, dapatlah kita bersama hadir di Majlis Perasmian Persidangan Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti pada pagi ini.

Saya difahamkan bahawa persidangan seumpama ini merupakan yang julung kali ianya diadakan. Justeru itu, ia amat bermakna kerana dapat memberikan ruang untuk kita membincangkan isu-isu yang semakin mencabar dalam dunia masa kini yang boleh mempengaruhi budaya, pemikiran dan perpaduan masyarakat.

SESUNGGUHNYA, sebuah komuniti yang kukuh tidak hanya bergantung kepada pembangunan ekonomi tetapi lahir daripada kasih sayang, kepedulian dan semangat saling mendukung.

Inilah inti pati khidmat masyarakat, satu nilai murni yang membina insan dan kesejahteraan bangsa. Ia bukan sekadar aktiviti sambil tetapi budaya hidup yang menanam rasa tanggungjawab terhadap sesama insan. Kekuatan komuniti dapat dilihat apabila jiran saling membantu, belia bergiat dalam kerja amal dan syarikat menyumbang kembali kepada masyarakat setempat.

Sesungguhnya, sebuah komuniti yang kukuh tidak hanya bergantung kepada pembangunan ekonomi tetapi lahir daripada kasih sayang, kepedulian dan semangat saling mendukung.

Inilah inti pati khidmat masyarakat, satu nilai murni yang membina insan dan kesejahteraan bangsa. Ia bukan sekadar aktiviti sambil tetapi budaya hidup yang menanam rasa tanggungjawab terhadap sesama insan. Kekuatan komuniti dapat dilihat apabila jiran saling membantu, belia bergiat dalam kerja amal dan syarikat menyumbang kembali kepada masyarakat setempat.

Bahkan, dalam konteks Negara Brunei Darussalam aspek pemedulian dan prihatin turut ditekankan dalam titah paduka ayahanda pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) Tahun 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi bahawa "Dua nilai kemanusiaan iaitu pemedulian

dan prihatin memang sudah menjadi darah daging kepada orang-orang Brunei, selaku warisan turun-temurun dari nenek moyang".

Ini juga bertepatan dengan sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam iaitu: "Sebaik-baik manusia ialah yang paling bermanfaat kepada manusia lain".

Kerajaan paduka ayahanda melalui Social Blueprint menekankan aspek keprihatinan dan pemedulian kerana ia memupuk perpaduan, mendidik belia dengan empati dan kepimpinan, serta membina komuniti yang resilien dan siap siaga menghadapi cabaran.

Namun, khidmat masyarakat sahaja tidak mencukupi tanpa pemerkasaan komuniti. Kedua-duanya saling melengkapi. Pemerkasaan berlaku apabila masyarakat diberi latihan, kemahiran peluang kepimpinan serta ruang untuk menyertai perancangan pembangunan setempat. Komuniti yang diperkasakan akan lebih mandiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada pihak lain.

Marilah kita menjadikan khidmat masyarakat sebagai amalan hidup agar semangat saling membantu ini terus kekal dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan YSHHB atas usaha murni ini. Saya yakin persidangan kali ini akan menjadi wadah bermakna untuk bertukar pandangan, pengalaman dan mengukuhkan jaringan kerjasama dalam memperkasa agenda khidmat masyarakat di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Akhirnya, dengan berkat kalimah Bismillahir Rahmanir Rahim, selawat serta salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, saya



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi Jemaah Tadbir Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti anjuran bersama Universiti Islam Sultan Sharif Ali dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada Isnin, 6 Julai 2026M bersamaan 20 Muharam 1448H.

dengan sukacita merasmikan Persidangan Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti anjuran bersama UNISSA dan YSHHB.

Sekian, Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

WAKTU SEMBAHYANG										
JULAI MASIHI	HARI	MUHAMMAD HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11	SABTU	25	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
12	AHAD	26	4.40	4.50	6.14	6.38	12.27	3.52	6.37	7.53
13	ISNIN	27	4.41	4.51	6.15	6.38	12.27	3.52	6.37	7.52
14	SELASA	28	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
15	RABU	29	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
16	KHAMIS	1 SAFAR	4.41	4.51	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52
17	JUMAAT	2	4.42	4.52	6.15	6.39	12.27	3.52	6.38	7.52

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
SABTU	AHAD	ISNIN	
Bandar Seri Begawan			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Bangar			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Pekan Tutong			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	
Kuala Belait			
33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 11 JULAI 2026

Kepentingan penglibatan ibu bapa dalam kehidupan sosial anak-anak

DALAM era digital dan sosial yang semakin kompleks ini, ibu bapa sering kali memberi perhatian lebih pada aspek akademik dan kesihatan fizikal anak-anak. Namun, satu aspek yang tidak kurang pentingnya ialah mengetahui dengan siapa anak-anak kita berkawan. Persahabatan memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk sahsiah, nilai dan masa depan anak-anak. Mengambil tahu tentang rakan-rakan anak bukanlah tanda tidak percaya tetapi satu bentuk tanggungjawab dan kasih sayang yang mendalam.

Rakan sebaya adalah ejen sosialisasi utama selepas keluarga. Anak-anak menghabiskan banyak masa dengan rakan-rakan mereka di sekolah, di kawasan kejiranan dan kini di alam maya. Pengaruh rakan sebaya boleh menjadi sangat kuat, kadang-kadang mengatasi pengaruh ibu bapa, terutamanya ketika anak-anak memasuki usia remaja. Jika ibu bapa tidak mengenali siapa rakan-rakan anak mereka, mereka kehilangan peluang untuk memahami persekitaran sosial yang membentuk pemikiran dan tingkah laku anak. Contohnya, seorang rakan yang baik boleh mendorong anak untuk belajar dengan lebih giat dan bersikap positif, manakala rakan yang terlibat dengan salah laku seperti buli, merokok atau penyelewengan boleh menyeret anak ke jalan yang salah tanpa disedari oleh ibu bapa.

Penglibatan ibu bapa dalam kehidupan sosial anak-anak dapat menjadi benteng perlindungan awal. Dengan mengenali rakan-rakan anak, ibu bapa dapat menilai sama ada mereka mempunyai nilai dan pegangan yang selari dengan didikan di rumah. Ini bukan bermakna ibu bapa harus memilihkan semua rakan untuk anak tetapi mereka boleh membimbing anak untuk membuat pilihan yang bijak. Sesetengah ibu bapa mengambil inisiatif untuk menjemput rakan-rakan anak ke rumah, menghadiri aktiviti sekolah atau berkenalan dengan keluarga rakan anak. Melalui cara ini, mereka bukan sahaja dapat memantau pergaulan anak tetapi juga mewujudkan persekitaran yang selamat dan terbuka untuk anak berkongsi cerita.

Mengetahui rakan-rakan anak membantu ibu bapa memahami perkembangan emosi dan psikologi anak. Remaja sering kali lebih selesa meluahkan perasaan mereka kepada rakan berbanding ibu bapa. Jika ibu bapa mengetahui siapa rakan karib anak, mereka boleh mengenal pasti sama ada anak mempunyai sistem sokongan yang sihat. Di zaman teknologi maklumat ini, persahabatan tidak lagi terbatas pada interaksi bersemuka. Rakan maya di media sosial dan permainan dalam talian juga membawa pengaruh yang signifikan. Ibu bapa perlu lebih proaktif untuk mengetahui dengan siapa anak-anak berinteraksi di alam siber, kerana ancaman seperti penderaan siber, eksploitasi, dan pengaruh negatif lebih sukar dikesan. Dengan menjadi celik digital dan berkomunikasi secara terbuka, ibu bapa dapat melindungi anak-anak dari bahaya yang tersembunyi. - **Ketua Penyuntingan (Nr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلنس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Haji Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima



mengadap Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh, yang sedang berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi Mesyuarat Dua Hala Dwitahunan antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Menyertai Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid pada Majlis Mengadap tersebut ialah isteri kepada Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Berbahagia Toh Puan Intan Baizura binti Abdul Wahab; Presiden Mahkamah

Rayuan, Yang Amat Arif Datuk Seri Abu Bakar bin Jais; Hakim Besar Malaysia, Yang Amat Arif Datuk Seri Hashim bin Hamzah; Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Yang Amat Arif Datuk Hajjah Azizah binti Haji Nawawi; Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke NBD, Tuan Yang Terutama Datuk Mohd. Aini Atan dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Azhaniz Teh bin Azman Teh.

Turut hadir semasa Majlis Mengadap tersebut ialah Ketua Hakim Mahkamah Besar, NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Haji Abdullah Soefri bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Awang Muhammed Faisal bin Pehin Datu Juragan Laila Diraja Kolonel (B) Dato Seri Pahlawan Awang Haji Kefli; Setiausaha Tetap (Sekuriti dan

Undang-Undang) di Jabatan Perdana Menteri, Awang Zulhusam bin Haji Abdul Samad; dan Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Dayang Hajah Hazarena binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Huraiah.

Pada Majlis Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara Malaysia menyentuh mengenai perkembangan kerjasama kehakiman yang terus diperkukuhkan diantara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid telah menyandang jawatan Ketua Hakim Negara Malaysia sejak 28 Julai 2025 dan lawatan tersebut merupakan lawatan pertama beliau ke NBD dalam kapasiti tersebut.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima pesambah.

Terma Rujukan Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah dikemas kini

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah pun sebelum ini menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dikenali sebagai Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah merujuk kepada Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri (JPM) bertarikh 3 Jun 2026.

Selaras dan berikutan titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Rombakan dan Pelantikan Menteri-menteri Kabinet serta Timbalan-timbalan Menteri yang baharu pada 4 Jun 2026, Terma

Rujukan Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah telah pun dengan ini dikemas kini, dengan perubahan seperti berikut.

Skop komiti ini diperluaskan agar tidak terhad kepada konflik di Timur Tengah sahaja dan berfungsi sebagai platform kebangsaan bagi menangani sebarang krisis atau kejutan luaran yang berpotensi menjejaskan daya tahan (*resilience*) dan keselamatan negara. Susulan perluasan skop berkenaan, komiti ini telah dinamakan semula sebagai 'Komite Kebangsaan Menangani Kesan Konflik Timur Tengah dan Perkembangan Semasa'.

Pelantikan ahli-ahli turut dikemas kini, di mana Pengerusi Bersama terdiri daripada Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato

Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin; dan Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Keanggotaan yang lain terdiri daripada Menteri-menteri Kabinet yang berkaitan bagi memastikan pendekatan menyeluruh kerajaan (Whole of Government).

Setakat ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam masih dapat menangani situasi ini dengan baik dan akan terus memantau perkembangan semasa dengan teliti dan mengambil

BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**JANGAN MUDAH MENYALAKAN
LAMPU AMARAN BAHAYA
(HAZARD LIGHTS)**

Awda perlu ketahui bahawa ia hanya boleh dinyalakan dan digunakan atas sebab-sebab kecemasan

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

langkah-langkah yang bersesuaian bagi memastikan kepentingan negara, kestabilan ekonomi dan kesejahteraan rakyat dan penduduk di NBD sentiasa terpelihara.

Perkembangan berkaitan dengan Komite Kebangsaan ini akan dikongsikan dari semasa ke semasa di laman sesawang JPM.

KESETIAAN, KEPATUHAN ASAS KEHARMONIAN, KESTABILAN, KEMAJUAN NEGARA

>> Muka 1

Terdahulu, Yang Berhormat dalam ucapannya mengongsikan sejak tahun 2022 hingga kini, seramai 8,471 orang telah dikurniakan taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Pengurniaan ini mencerminkan kasih sayang dan pemedulian Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam terhadap penduduk tetap yang telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan untuk mendapatkan taraf sebagai Rakyat NBD sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Taraf Kebangsaan, Penggal 15," jelas Yang Berhormat.

Pada masa yang sama, ujar Yang Berhormat, pengurniaan ini akan menjadi pemangkin kepada pembinaan negara, memupuk rasa kekitaan, mengeratkan perpaduan, serta dapat menikmati hak dan melaksanakan tanggungjawab sebagai warganegara dengan penuh amanah dan kesetiaan kepada raja, agama, bangsa dan negara.

Terang Yang Berhormat, dalam mendukung aspirasi Wawasan Brunei 2035, rakyat perlu terus meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan daya saing, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat serta bersedia menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi dan keperluan ekonomi masa hadapan.

Pada masa yang sama, jelas

Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

Yang Berhormat lagi, nilai-nilai integriti, disiplin, amanah, semangat sukarelawan dan perpaduan hendaklah terus diperkukuhkan sebagai asas pembentukan masyarakat yang berdaya tahan dan progresif. Selain itu, setiap rakyat adalah bertanggungjawab dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi, menjaga keharmonian masyarakat yang berbilang latar belakang, memelihara alam sekitar serta mempamerkan akhlak, adab dan nilai-nilai murni dalam setiap tindakan.

"Sesungguhnya, mencapai Wawasan Brunei 2035 merupakan tanggungjawab bersama. Apabila setiap rakyat melaksanakan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi, semangat patriotisme dan rasa cinta kepada raja dan negara, insyaaAllah hasrat untuk menjadikan NBD sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat dan penduduk yang berpendidikan tinggi, berkemahiran, mempunyai kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan akan dapat direalisasikan," tambah Yang Berhormat.

Yang Berhormat dalam ucapannya seterusnya menyentuh mengenai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia semasa Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Kali Ke-41 pada tahun 2025 di mana baginda antara lain bertitah, sesebuah negara adalah ibarat sebuah

rumah besar. Kekuatannya bukan sahaja bergantung kepada tiang dan dinding yang kukuh tetapi juga setiap penghuninya mestilah sama-sama bertanggungjawab untuk menjaga dan memeliharanya.

Kejayaan dan kemakmuran negara tidak hanya terletak dibahu Kerajaan semata-mata, bahkan setiap lapisan masyarakat mestilah turut berperanan sama. Sebagai warganegara yang baik, tidak siapa pun yang boleh berkecuali dalam membangun negara. Banyak atau sedikit sumbangan masing-masing, itulah jasa dan pengorbanan namanya.

Dalam era digital yang semakin berkembang, kata Yang Berhormat lagi, media sosial telah menjadi medium utama untuk berkomunikasi, mendapatkan maklumat dan berkongsi pandangan.

Namun demikian, tambah Yang Berhormat, kebebasan menggunakan media sosial hendaklah disertai dengan tanggungjawab sivik digital dengan mengelakkan penyebaran maklumat palsu, menggunakan teknologi dengan penuh etika, bijaksana dan berhemah. Setiap rakyat mempunyai peranan penting untuk memastikan platform ini dimanfaatkan bagi tujuan yang membawa kebaikan, memperkukuh perpaduan serta menyebarkan maklumat yang sahih dan bermanfaat.

Oleh yang demikian, Yang Berhormat turut mengingatkan

agar setiap rakyat dan penduduk negara ini akan sentiasa berfikir kritis sebelum berkongsi sesuatu maklumat, mengelakkan penyebaran berita yang tidak pasti kesahihannya, mengelakkan mengeluarkan kenyataan yang boleh menimbulkan fitnah, kebencian atau perpecahan serta sentiasa menghormati undang-undang negara dan berpegang teguh kepada nilai-nilai falsafah MIB.

"Media sosial seharusnya dijadikan wadah untuk menyebarkan ilmu, memupuk persefahaman, memperkukuh semangat kenegaraan serta mempamerkan imej Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir.

"Kemudahan teknologi ini perlu digunakan dengan penuh hikmah, kesopanan dan rasa tanggungjawab, kerana setiap perkongsian bukan sahaja mencerminkan keperibadian individu, malah turut membentuk persepsi masyarakat terhadap negara kita.

"Pesanan kepada *kitani* semua, jagalah amanah sebagai warganegara dengan sebaik-baiknya. Sayangilah NBD sebagaimana negara ini menerima *abiskita* sebagai rakyatnya. Tunjukkanlah kesetiaan yang tidak berbelah bahagi Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, hormatilah undang-undang negara, hayati dan berpegang teguhlah kepada falsafah MIB serta peliharalah perpaduan masyarakat," ujar Yang Berhormat.

Gunakan media sosial



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada majlis berkenaan.

dengan berhemah dan bertanggungjawab serta terushlah berusaha untuk menyumbang kepada pembangunan negara dan menjayakan aspirasi Wawasan Brunei 2035. *Kitani* semua memikul amanah besar untuk memastikan negara terus makmur, berdaulat dan dihormati di persada dunia, tegas Yang Berhormat.

Yang Berhormat mengingatkan bahawa kemajuan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui pembangunan fizikal atau ekonomi tetapi juga melalui akhlak, perpaduan, kesetiaan dan semangat cintakan negara yang terpahat dalam jiwa setiap rakyat.

Yang Berhormat yakin, dengan iltizam dan semangat tersebut, para penerima akan menjadi warganegara yang membanggakan keluarga serta menyumbang kepada kemajuan, kesejahteraan dan kemakmuran NBD.

654 terima Sijil Taraf Kerakyatan



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima (atas dan kanan).

BERAKAS, Khamis, 9 Julai. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-45, bertempat di Dewan Persidangan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Pada kali ini, seramai 654 penerima Sijil Taraf Kerakyatan telah mendapat limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni

Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Hadir selaku tetamu kehormat seterusnya menyampaikan Sijil-sijil Taraf Kerakyatan kepada para penerima ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, Pemangku Pengarah Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Awang

Haji Azmi bin Haji Abdul Rahim dalam ucapannya berkata, ini merupakan hari gembira dan bermakna kepada *abiskita* yang akan menerima sijil-sijil kerakyatan pada majlis petang ini.

Semoga dengan pengurniaan taraf kerakyatan *abiskita* semua ini akan meningkatkan tekad dan azam dalam menandai tanggungjawab sebagai rakyat dalam mencurahkan jasa dan bakti kepada negara yang kita cintai ini.

Awang Haji Azmi dalam pada itu turut mengingatkan kepada para penerima untuk menjaga penganugerahan kerakyatan



dengan sebaiknya yang mana ini adalah sesuatu yang amat tinggi nilainya bagi *abiskita* semua dan setentunya juga *abiskita* sangat mensyukuri dan sangat-sangat menghargainya.

Para penerima terdiri daripada mereka yang memohon taraf kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD) di bawah Akta Taraf Kebangsaan Brunei, Penggal 15 iaitu di bawah Bab 5(1) dan 8(1) dan telah lulus dalam Ujian Bahasa Melayu secara bertulis dan secara lisan, di bawah Bab 6(1) iaitu terdiri daripada anak-anak kepada ibu warganegara NBD, anak-anak

kepada ayah warganegara NBD dan anak-anak angkat kepada ibu bapa angkat warganegara NBD dan juga di bawah Bab 5(6) terdiri daripada isteri-isteri kepada suami warganegara NBD.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, KHEDN, ketua-ketua jabatan, penghulu-penghulu mukim, pegawai-pegawai kanan KHEDN serta pegawai-pegawai dan kakitangan JIPK.

IMPACT 2026, platform melahirkan belia masjid berilmu, berakhlak mulia



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan anugerah kepada penerima.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

>> Muka 1

Majlis tersebut berlangsung di Dewan Multaqa, Aras Bawah, Bangunan Tambahan, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), di sini pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Program anjuran Kumpulan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Belia Masjid Senegara itu membawa tema 'IMPACT (Inspiring Masjid

Youth with Purpose, Action and Character Training').

Tema berkenaan memberi penekanan kepada pembangunan belia secara menyeluruh melalui pemantapan matlamat hidup, pembentukan tindakan yang berimpak serta pengukuhan sahsiah dan jati diri berteraskan nilai-nilai Islam.

Pendekatan tersebut diharap dapat melahirkan belia masjid yang berprinsip, berdaya tahan serta mampu menjadi pemangkin perubahan positif kepada institusi masjid, masyarakat dan negara.

Majlis turut menyaksikan

pelantikan para peserta IMPACT 2026 bersama alumni Program Serasehan Belia Masjid 2024 sebagai Ahli Belia Masjid.

Pelantikan itu merupakan satu pengiktirafan terhadap komitmen, dedikasi dan kesediaan mereka untuk terus memainkan peranan aktif dalam memperkukuh pembangunan belia serta menggerakkan pelbagai inisiatif pengimarah masjid di seluruh negara.

Sebagai penghargaan terhadap kecemerlangan peserta sepanjang program, beberapa anugerah khas turut disampaikan, antaranya Anugerah Sinergi Cemerlang, Anugerah Khidmat Ummah Terbaik, Anugerah Sahsiah Mithali, Anugerah Pemimpin Inspirasi, Anugerah Ikon IMPACT, Anugerah Inovasi dan Impak Sosial serta sijil penyertaan kepada semua peserta sebagai tanda pengiktirafan atas komitmen dan penglibatan mereka.

Penerima Anugerah Sinergi Cemerlang ialah Awang Saifullah bin Shamsul dan Dayang Surihaiza binti Suhairi, manakala Anugerah Khidmat Ummah Terbaik diterima oleh Awang Muhammad Ibnu Sina bin Pengiran Haji Ismail dan Dayang Rindiana binti Rozali.

Anugerah Sahsiah Mithali pula disampaikan kepada Awang Muhammad Solehin Asyakin bin Syakirin dan Dayang Ismahani binti Merali.

Sementara Anugerah Pemimpin Inspirasi diterima oleh Awang Amir Hakim bin Abdul Khalid, Awang

Mohamad Hisyamudin bin Haji Ermy, Awang Muhammad Hannan Haziq bin Mohd. Sufri, Dayang Nurul Sabarinah binti Ya'kub, Dayang Suraya binti Norijal dan Dayang Nur Hasanah binti Haji Marsidi.

Sementara itu, Anugerah Inovasi dan Impak Sosial dimenangi oleh Kumpulan 7 : 'Little Bites, Big Impact'.

Manakala Anugerah Ikon IMPACT disampaikan kepada Awang Abdul Hafiz bin Abdul Rahman dan Dayang Lailatul Dinah Firzanah binti Haji Abu Bakar.

Penganjuran IMPACT 2026 bertujuan mengiktiraf sumbangan belia yang aktif dalam kegiatan masjid, di samping memperkukuhkan nilai kepimpinan, kesukarelawan,

kerja berpasukan dan khidmat masyarakat.

Program itu juga menjadi wadah untuk menggalakkan lebih ramai belia mendekati masjid, mengimarahkannya melalui pelbagai aktiviti bermanfaat serta memperkukuh jaringan ukhuwah dalam kalangan belia masjid di seluruh Negara Brunei Darussalam.

Diharapkan IMPACT 2026 akan terus menjadi platform pembangunan belia yang berterusan dalam melahirkan generasi muda yang berilmu, berakhlak, berintegriti, berwibawa dan berjiwa khidmat, seterusnya mampu menyumbang tenaga, kepakaran dan kepimpinan ke arah pembangunan agama, bangsa dan negara.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Penganugerahan Belia IMPACT dan Majlis Pelantikan Belia Masjid yang diadakan sempena Program Pemantapan Bersiri bagi Belia dan Beliawanis Masjid Baharu (IMPACT 2026).

KHEU IKTIRAF KECEMERLANGAN PELAJAR SEKOLAH ARAB, UGAMA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd Sahrizal Haji Said



JERUDONG, Rabu, 8 Julai. - Ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, seramai 130 pelajar cemerlang dari sekolah-sekolah Arab dan ugama di seluruh negara menerima sijil penghargaan masing-masing pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar Cemerlang Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) yang diadakan di Dewan Persidangan BRIDEX, di sini.

Majlis tersebut diadakan untuk meraikan pelajar-pelajar yang memperoleh keputusan

cemerlang dan membanggakan dalam peperiksaan awam yang telah diduduki pada tahun 2025.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap KHEU, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penghargaan Pelajar-pelajar Cemerlang Kementerian Hal Ehwal Ugama (atas dan kiri).

Haji Omar; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim serta Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Hadir sama ialah Pegawai-pegawai Kanan KHEU, serta ibu bapa dan penjaga para pelajar.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas kejayaan yang dikurniakan kepada para pelajar, di samping memberikan pengiktirafan terhadap kecemerlangan yang

telah dicapai.

Penganjurannya turut bertujuan menyuntik semangat dan motivasi kepada pelajar-pelajar lain agar terus berusaha meningkatkan prestasi akademik, selain mengetengahkan kepada masyarakat pencapaian cemerlang pelajar-pelajar sekolah Arab dan ugama dalam bidang pengajian ugama, bahasa Arab dan akademik umum.

Atur cara dimulakan dengan persembahan Zainul Quran oleh pelajar-pelajar Sekolah Tinggi Arab Hassanah Bolkiah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pengajian Islam, KHEU, Dayang Hajah Mariana binti Haji

Jamil selaku Pengerusi Bersama Majlis.

Majlis kemudiannya diserikan dengan persembahan khas daripada pelajar-pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Kemuncak acara ialah penyampaian sijil penghargaan dan hadiah kepada pelajar-pelajar cemerlang, guru-guru cemerlang serta anugerah sekolah Madrasah Mutaqaddimah yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Abdul Razak bin Haji Mohd. Daud.

JCHS PERKUKUH TENAGA KERJA SEKTOR KESIHATAN NEGARA

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Kesihatan menyampaikan ijazah dan sijil kepada para graduan serta pelajar yang menamatkan pengajian sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik mereka (atas), manakala gambar atas kanan, Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada majlis berkenaan.

>> Muka 1

“Seiring dengan usaha berterusan Kementerian Kesihatan dalam mentransformasikan sistem penjagaan kesihatan negara, antara keutamaan tertinggi ialah melahirkan tenaga kerja kesihatan yang mahir, berdaya tahan dan bersedia menghadapi masa hadapan,” ujar Yang Berhormat pada Majlis

Konvokesyen JCHS 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini.

Menurut Yang Berhormat, hospital, komuniti perkhidmatan kesihatan dan penjagaan kesihatan khusus hanya mampu mencapai kecemerlangan apabila disokong oleh profesional kesihatan yang bukan sahaja memiliki kompetensi klinikal, malah menjunjung tinggi integriti, belas

ihsan dan profesionalisme.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, JCHS merupakan satu pelaburan penting ke arah merealisasikan matlamat tersebut.

Jelas Yang Berhormat, bidang penjagaan kesihatan kini berkembang dengan begitu pesat melalui kemajuan sains perubatan, teknologi digital serta peningkatan kerumitan keperluan kesihatan masyarakat.

“Sebagai tindak balas terhadap perubahan ini, JCHS berbesar hati dapat menjalinkan kerjasama strategik dengan Far Eastern University (FEU), salah sebuah institusi terkemuka di Filipina dalam bidang pendidikan kejururawatan dan penjagaan kesihatan”.

“Kerjasama yang amat bermakna ini membolehkan JCHS menawarkan program bertaraf antarabangsa, memperkukuh kualiti akademik serta melahirkan graduan yang memenuhi piawaian penjagaan kesihatan di peringkat nasional dan antarabangsa. Kerjasama ini diasaskan atas komitmen bersama terhadap kecemerlangan dan kemajuan pendidikan penjagaan kesihatan,” ujar Yang Berhormat.

Misi ini, tambah Yang Berhormat, selaras dengan

aspirasi Wawasan Brunei 2035 yang mengimpikan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran tinggi; kualiti hidup yang cemerlang serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Menurut Yang Berhormat, sistem penjagaan kesihatan yang kukuh merupakan asas penting dalam merealisasikan aspirasi tersebut, dan setiap pelaburan dalam pendidikan kejururawatan adalah pelaburan untuk masa depan Brunei.

Dalam usaha Brunei terus memperkukuh sektor pendidikan tinggi tambah Yang Berhormat lagi, institusi seperti JCHS turut memainkan peranan penting dalam menyokong aspirasi negara untuk menjadi hab pendidikan serantau yang diiktiraf.

Melalui kerjasama antarabangsa, piawaian akademik yang tinggi dan kelayakan yang diiktiraf di peringkat global jelas Yang Berhormat lagi, kita memperkukuh kedudukan NBD sebagai destinasi pendidikan berkualiti, di samping melahirkan profesional penjagaan kesihatan yang mampu menyumbang dengan yakin di peringkat serantau dan antarabangsa.

“Haluan JCHS juga sejajar dengan keutamaan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang



terus menekankan kepentingan memperkukuh tenaga kerja kesihatan, meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berkualiti, mempertingkatkan keselamatan pesakit, memajukan kesaksamaan dalam kesihatan serta mempersiapkan negara menghadapi cabaran kesihatan awam pada masa hadapan,” ujar Yang Berhormat.

Melalui pendidikan profesional kesihatan yang berkompentensi tinggi kata Yang Berhormat, JCHS bukan sahaja menyokong keutamaan NBD, malah turut menyumbang kepada komitmen global dalam mencapai kesihatan yang lebih baik untuk semua.

68 graduan, 206 pelajar FSC diraikan pada Majlis Konvokesyen JCHS

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Kolej Sains Kesihatan JPMC (JPMC College of Health Sciences - JCHS) hari ini mencatat satu detik bersejarah dengan menganjurkan Majlis Konvokesyen sulungnya, bagi meraikan pencapaian graduan dan pelajar tamat pengajian kohort pertama, sekali gus menegaskan komitmennya dalam melahirkan generasi baharu profesional penjagaan kesihatan untuk Negara Brunei Darussalam (NBD).

Seramai 68 graduan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan (Bachelor of Science in Nursing – BSN) serta 206 pelajar berjaya menamatkan Program Asasi

Sains (Foundation in Science – FSC) bagi Pengambilan Tahun 2024 dan 2025.

Pencapaian tersebut mencerminkan misi JCHS dalam melahirkan pemimpin penjagaan kesihatan yang berkemahiran, penuh simpati dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa itu ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Turut hadir, Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; serta Pengerusi Lembaga

Pemegang Amanah, Far Eastern University, Aurelio R. Montinola III.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif JCHS, Chung Yea Fui dalam ucapannya menjelaskan, detik ini membawa makna yang jauh lebih besar daripada sekadar tamatnya pengajian bahkan mencerminkan segala pengorbanan yang dilakukan, cabaran yang ditempuhi serta kecekalan di sepanjang perjalanan itu.

Menurutnya, setiap tugas yang disiapkan, setiap penempatan klinikal yang dijalani, setiap peperiksaan yang berjaya dilalui dan setiap rintangan yang berjaya diatasi, membawa para graduan ke detik yang membanggakan.

Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap ketabahan kohort sulung serta mengiktiraf usaha bersama para pensyarah, kakitangan, keluarga dan rakan strategik yang telah memberikan sokongan kepada para graduan sepanjang perjalanan akademik mereka.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri Kesihatan juga menyampaikan ucapan.

Selepas pembentangan calon



SERAMAI 68 graduan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan (Bachelor of Science in Nursing – BSN) serta 206 pelajar berjaya menamatkan Program Asasi Sains (Foundation in Science – FSC) bagi Pengambilan Tahun 2024 dan 2025 (atas), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

oleh Dekan Kejururawatan, Dr. Rachele Sarmiento, ijazah dikurniakan oleh Juan Miguel R. Montinola sebagai pengiktirafan terhadap kejayaan para graduan menamatkan program akademik masing-masing.

Tetamu kehormat kemudian menyampaikan ijazah dan sijil kepada para graduan serta pelajar yang menamatkan pengajian sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian akademik mereka.

Para graduan secara rasmi diterima sebagai Ahli Persatuan Alumni Far Eastern University, sekali gus menggalakkan penglibatan sepanjang hayat, jaringan profesional serta pembelajaran berterusan selepas tamat pengajian.

Majlis diakhiri dengan Ikrar Kesetiaan JCHS yang dipimpin

oleh Dayang Aisha Abdul Malik, sebagai simbol komitmen berterusan para graduan terhadap kolej dan profesion penjagaan kesihatan.

Sempena konvokesyen sulung JCHS ini, majlis tersebut bukan sekadar menyaksikan penganugerahan ijazah, malah menandakan permulaan kepada lahirnya generasi baharu profesional penjagaan kesihatan yang bersedia memberikan sumbangan bermakna kepada sistem penjagaan kesihatan NBD dan juga di peringkat antarabangsa.

Majlis bersejarah ini mencerminkan komitmen berterusan JCHS terhadap kecemerlangan dalam pendidikan penjagaan kesihatan serta visinya untuk melahirkan pemimpin penjagaan kesihatan masa hadapan.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN KENANG JASA BAKTI PARA PESARA



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat dan menyampaikan sijil dan cenderamata kenang-kenangan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan bersara (atas dan kanan).

GADONG, Khamis, 9 Julai. - Jabatan Pengurusan Pendidik, Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan dan



UCAPAN penghargaan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan dan ucapan daripada Associate Professor, Universiti Teknologi Brunei, Profesor Madya Ir. Dr. Ang Swee Peng, sebagai wakil pesara bagi majlis tersebut. (kiri dan kanan).



Bahagian Kaunseling pada hari ini mengadakan Majlis Meraikan Pegawai-pegawai dan Kakitangan Kementerian Pendidikan yang Bersara pada tahun 2025 di Goldstone Ballroom, The Centrepont Hotel, Gadong.

Seramai 169 pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Kementerian Pendidikan telah bersara pada tahun 2025, terdiri daripada 31 pegawai dan kakitangan daripada jabatan-jabatan, 138 tenaga pengajar dan kakitangan yang bertugas di sekolah-sekolah rendah, menengah, maktab dan Institusi Pengajian Tinggi di bawah Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



pada majlis tersebut ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Bahagian Kaunseling, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.

Majlis diteruskan dengan ucapan penghargaan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad, diikuti dengan ucapan daripada Associate Professor, Universiti Teknologi Brunei, Profesor Madya Ir. Dr. Ang Swee Peng, sebagai wakil pesara bagi majlis tersebut.

Acara kemuncak majlis ialah

penyampaian sijil dan cenderamata kenang-kenangan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan bersara yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Majlis meraikan pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang bersara merupakan acara tahunan yang diadakan khusus bagi menghargai dan mengenang jasa bakti para pesara selama perkhidmatan mereka.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Pemangku Rektor, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan.

14 pelajar terima AIPC-DANA 2026



MAJLIS Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2026 (AIPC-DANA 2026) dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan (atas dan kiri).

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Sebagai penghargaan atas pencapaian cemerlang dalam peperiksaan awam 2025, seramai 14 orang pelajar anak yatim diraikan dalam Majlis Penyampaian Anugerah Insentif Pelajar Cemerlang Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim 2026 (AIPC-DANA 2026) yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB), di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian anugerah tersebut

ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

AIPC-DANA merupakan projek tahunan DANA dan tahun ini merupakan kali ke-19 diadakan.

Pemberian AIPC-DANA bertujuan untuk mendorong anak-anak yatim menghargai kepentingan pendidikan dan sebagai penyuntik semangat dan galakan kepada mereka untuk terus berusaha bagi meraih kejayaan khususnya dalam bidang pelajaran.

Pada majlis itu, seramai empat

orang menerima AIPC-DANA 2026 bagi Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE 'O' Level iaitu Sharifah Habibah binti Mohamad Shariff; Muhammad Khairul Haziem Abdullah; Muhammad Irfan Zikry bin Zul Affandy/Muhammad Zulkhairi; dan Eva Iffa Aleya@Yohana binti Abdullah.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun berupa wang tunai bernilai BND4,760.

Seterusnya, seramai lima orang menerima AIPC-DANA 2026 bagi Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) iaitu Nur Zahirah

Bazilah binti Mahmood; Maizatul Mazeedah binti Abdul Rahim; Nursarah Ferhanah binti Zainal; Nur Sabriena Syahirah binti Abdullah@Qistina; dan Mohammad Rayyan Hadi bin Haji Mahadi.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga pakej kemudahan belajar selama dua tahun berupa wang tunai bernilai BND4,400.

Manakala lima orang pelajar lagi menerima AIPC-DANA 2026 bagi Peperiksaan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah 6 (SSSRU) iaitu Muhammad Ra'ed Zafran bin Abdul Rahman; Dayangku Naira Amelia binti Pengiran Haji Rosman;

Mohammad Nazrol Shahri bin Abdullah; Nur Nafijah binti Ali Iskandar; dan Muhammad Abdul Malik Zaaferani bin Abdullah.

Setiap seorang menerima satu sijil penghargaan, satu unit komputer berserta mesin pencetak, dan juga wang simpanan sebanyak BND500 yang dikreditkan terus ke Akaun DANA masing-masing di Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei.

Turut hadir pada majlis ini ialah Penolong Pengarah Urusan Agensi Pelaburan Brunei, Awang Ahmad Jefri bin Abdul Rahman, selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA; pegawai-pegawai kanan kerajaan dan pegawai-pegawai YSHHB.

MALAM GALA LAUTAN LABUHKAN TIRAI MINGGU LAUTAN BRUNEI 2026

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan

BRUNEI 2026
MID-YEAR CONFERENCE AND EXHIBITION
MYCE 2026

TUNGKU LINK, Khamis, 9 Julai. - Minggu Lautan Brunei 2026 melabuhkan tirainya malam tadi dengan acara Malam Gala Lautan yang mengambil tempat di Mutiara Exchange, sekali gus menghimpunkan lebih 200 tetamu terdiri daripada sektor kerajaan, ahli-ahli diplomatik kor, industri, akademik, kedutaan, belia, komuniti kreatif serta para pendukung kelestarian lautan.

Dianjurkan oleh Poni Foundation, Malam Gala tersebut diadakan bersempena dengan Persidangan dan Pameran Pertengahan Tahun Brunei 2026 (Brunei MYCE 2026) yang bertemakan 'Ocean of Opportunities: Blue Economy for a Sustainable Future' yang meneguhkan hakikat bahawa lautan Brunei bukan sekadar khazanah indah yang perlu dipelihara, malah merupakan sumber ilmu pengetahuan, inovasi, perkongsian strategik, punca mata pencarian serta asas bagi industri masa depan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Dayang Hajah Tutiatiy binti Haji Abdul Wahab.

Turut hadir, Setiausaha Tetap di Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Acara pada malam itu dimulakan dengan majlis resepsi sebelum makan malam di samping menyaksikan Pameran Ocean Art Gallery yang menampilkan karya artis tempatan yang mendapat ilham daripada suasana laut, sebelum acara diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Presiden Poni Foundation, Anna Aziz merangkap Ketua Pegawai Perniagaan Poni Group.

Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Tuan Yang Terutama Michael Hoy, semasa berucap pada majlis tersebut turut menyampaikan ucap tama yang meneguhkan identiti maritim bersama antara Australia dan NBD di mana Tuan Yang Terutama Michael Hoy menyatakan bahawa lautan menghubungkan kedua-dua negara dengan alam semula jadi, keselamatan makanan, perdagangan serta daya tahan ekonomi, dan menegaskan semula sokongan Australia terhadap aspirasi lautan Brunei melalui sains, bukti serta perkongsian praktikal.

Pada masa yang sama Tuan Yang Terutama juga mengiktiraf keputusan Brunei untuk menandatangani Perjanjian Laut



YANG Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat bergambar ramai pada Malam Gala Lautan yang mengambil tempat di Mutiara Exchange.

Lepas serta komitmennya untuk melaksanakan larangan penggunaan pukat tunda menjelang tahun 2030, sambil menyatakan bahawa komitmen sedemikian yang disokong oleh sains dan kerjasama turut menunjukkan bagaimana kerjasama dapat menyokong suasana lautan yang lebih sihat dan produktif.

Program tersebut turut menampilkan ucapan secara maya oleh Utusan Khas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Lautan, Tuan Yang Terutama Peter Thomson, diikuti dengan pembentangan mengenai pencapaian penting dan impak Ocean Week Brunei oleh Pengerusi Poni Foundation, Awang Mohammad Tahsin Wong Abdullah.

Kemuncak acara ialah penyampaian Anugerah Juara Lautan, menerusi tiga platform anugerah iaitu Pertandingan Video Suara Lautan, Geran Belia Lautan dan Anugerah Pahlawan Lautan.

Pertandingan Video Suara Lautan meraihan pencerita muda yang menggunakan video pendek untuk meningkatkan kesedaran tentang pemuliharaan lautan dan memberi inspirasi kepada tindakan awam. Pemenang tahun ini ialah Dayang Nurul Najla Izzati Johrizan dari Pusat Tingkatan Enam Belait.

Sementara itu, Geran Belia Lautan, pula dimenangi oleh Trust the Crust yang dianggotai oleh Dayang Nurizz Syuhaidah binti Haji Muhd. Izhar Rahmadi, Dayang Umni Suhailah binti Haji Wahap dan Dayang Adibah binti Johari atas inovasi mereka menukarkan sisa kulit udang menjadi bioplastik bagi mengurangkan jumlah sisa plastik yang berakhir di lautan.

Manakala Anugerah Pahlawan Lautan 2026 telah disampaikan kepada seorang pendidik dari Ma'had Islam Brunei, Juen dan juga sebagai seorang nelayan sambilan.

Pengiktirafan tersebut meraihan peranan penting para pendidik, anggota masyarakat

yang mencetuskan tindakan melalui dedikasi peribadi, pengetahuan tempatan, serta kesediaan untuk tampil ke hadapan.

Minggu Lautan Brunei 2026 atau juga dikenali sebagai Ocean Week Brunei 2026 dianjurkan oleh Poni Foundation dengan kerjasama Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri bersempena dengan Brunei MYCE 2026, turut mendapat pengiktirafan daripada United Nations Decade of Ocean Science for Sustainable Development dan sokongan daripada Sustainable Ocean Alliance Brunei.

Acara tersebut turut dijayakan hasil sokongan para penaja dan rakan kongsinya, termasuk Penaja Emas Hibiscus Petroleum, Shell Deep Water dan Brunei Energy Exploration; Penaja Perak Suruhanjaya Tinggi Australia di NBD, Brunei Gas Carriers, Baiduri Bank, Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) dan Brunei Methanol Company; serta Penaja Gangsa Armada Properties dan Takaful Brunei.

Kem Musim Panas UBD-AUN 2026 perkukuh kerjasama akademik serantau

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Khamis, 9 Julai. - Kem Musim Panas Universiti Brunei Darussalam (UBD) - Rangkaian Universiti ASEAN (ASEAN University Network - AUN) 2026 yang telah diadakan buat kali ketiga berturut-turut menutup tirainya pada majlis yang berlangsung di Pusat Kesenian Pro-Canselor, UBD, di sini, petang tadi.

Program yang berlangsung selama 10 hari itu, bermula 1 hingga 10 Julai, disertai seramai 141 mahasiswa serta mahasiswi daripada 36 universiti di seluruh ASEAN dan Asia Timur bagi menangani cabaran kritikal berkaitan alam sekitar dan pembangunan bandar menerusi tema 'Tides of Tomorrow: Reimagining Coastal Cities'.

Majlis penutup disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor UBD, Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman, selaku tetamu kehormat.

Dalam ucapannya, Profesor Dr. Haji Noor Azam menzahirkan penghargaan kepada para peserta atas kejayaan menamatkan pengalaman pembelajaran yang memberi nilai tambah melangkaui pembelajaran di bilik kuliah.

Beliau menekankan, cabaran sosioekologi yang semakin

kompleks di rantau ini memerlukan pemikiran kolektif yang bersedia menghadapi masa hadapan serta berteraskan sikap saling menghormati.

Katanya, para pelajar bukan sekadar mendalami biodiversiti marin atau perancangan bandar mampan, malah memainkan peranan aktif dalam memelihara warisan budaya bersama yang disokong oleh inovasi saintifik, di samping mengubah dialog serantau menjadi jalinan persahabatan merentas sempadan yang berkekal serta memperjuangkan nilai inklusiviti, daya tahan dan identiti ASEAN yang bersatu.

Kem Musim Panas yang telah dirasmikan pada 1 Julai lalu oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Awang Haji Azman bin Ahmad, menggabungkan penglibatan akademik yang menyeluruh dengan pembelajaran berasaskan pengalaman secara praktikal.

Sepanjang program tersebut, para peserta telah menghadiri ceramah pakar dan bengkel interaktif yang meneroka kelestarian lautan, pemuliharaan kawasan pesisir, pemeliharaan hutan paya bakau serta konsep Blue Urbanism.

Antara pengisian utama program pada tahun ini ialah Future Ocean Changemakers Youth Forum serta

Students' Presentation Showcase, yang menyaksikan pasukan pelajar dari pelbagai negara bekerjasama untuk bertukar-tukar idea, membincangkan cabaran serantau serta membentangkan cadangan inovatif yang diterajui golongan belia bagi pembangunan bandar pesisir yang mampan.

Selain agenda akademik, kem musim panas tersebut turut menawarkan pelbagai aktiviti penghayatan budaya yang bertujuan memupuk keharmonian serantau dengan lebih mendalam.

Para peserta berpeluang mengenali Brunei Darussalam dengan mengunjungi mercu tanda bersejarah serta merasai sendiri suasana meriah di Bandarku Ceria.

Aktiviti-aktiviti tersebut memberi peluang kepada para pelajar untuk berkongsi kepelbagaian tradisi budaya masing-masing di samping didedahkan kepada nilai-nilai teras Brunei Darussalam yang berlandaskan sikap saling menghormati, keharmonian dan semangat kemasyarakatan.

Penolong Naib Canselor (Penglibatan Global) UBD merangkap Pengerusi Kem Musim Panas UBD-AUN 2026, Dr. Joyce Teo Siew Yean menekankan kepentingan platform berkenaan dalam menghimpunkan golongan belia sebagai pencetus perubahan



TIMBALAN Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Profesor Dr. Haji Noor Azam bin Orang Kaya Maha Bijaya Haji Othman hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kem Musim Panas UBD - Rangkaian Universiti ASEAN (ASEAN University Network - AUN) 2026.

untuk membina rangkaian dan menjalinkan kerjasama dalam projek akademik yang berkaitan dengan tema Kem Musim Panas seperti Blue Urbanism, di samping mengemukakan penyelesaian bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Kejayaan penganjuran Kem Musim Panas UBD - AUN terus memperkukuh komitmen UBD dalam memajukan pelancongan pendidikan, selain mengukuhkan kedudukan universiti itu serta Negara Brunei Darussalam sebagai destinasi pilihan bagi pengajian tinggi antarabangsa.

Pencapaian ini selaras dengan kejayaan bersejarah UBD di arena akademik global termasuk peningkatan kedudukannya ke tangga ke-345 dalam QS World

University Rankings 2026 dan ke tangga ke-67 dalam QS Asian University Rankings 2026 yang mengukuhkan kedudukan UBD sebagai antara 19 universiti terbaik di ASEAN.

Sebagai anggota pengasas rangkaian berkenaan sejak tahun 1995, UBD kekal komited untuk memperluaskan jaringan kerjasama global serta menyediakan pengalaman pembelajaran yang memberi impak bermakna dalam melahirkan graduan yang berfikir global dan berjiwa kepimpinan serta bertanggungjawab terhadap masyarakat.

Untuk maklumat lanjut mengenai program jangka pendek UBD, sila layari www.ubd.edu.bn atau e-mel ke globaldiscovery.ga@ubd.edu.bn.

MSC KE-27 PERKUKUH KERJASAMA ASEAN TANGANI JEREBU RENTAS SEMPADAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi



BALI, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 9 Julai. - Mesyuarat Ke-27 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (Ministerial Steering Committee (MSC) Ke-27) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan hari ini di Bali, Republik Indonesia.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh menteri-menteri, pegawai-pegawai kanan dan/atau wakil-wakil bagi hal ehwal tanah, kebakaran hutan dan jerebu dari Negara Brunei Darussalam (NBD), Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, dan Thailand serta Timbalan Setiausaha Agung ASEAN bagi Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dan dipengerusikan oleh Menteri Lingkungan Hidup Republik Indonesia, Yang Berbahagia Mohammad Jumhur Hidayat.

Mesyuarat Ke-27 Kumpulan Kerja Teknikal (Technical Working Group (TWG) Ke-27) mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan sebelum mesyuarat tersebut pada 8 Julai lalu.

Delegasi NBD telah diketuai oleh Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak dan disertai oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi Kementerian Pembangunan.

Mesyuarat mengesahkan semula komitmen mereka terhadap pelaksanaan penuh dan berkesan terhadap Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution - AATHP) dan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASEAN Socio-Cultural Community - ASCC) untuk visi Komuniti ASEAN 2045 yang mana ia telah dimandatkan untuk mempertingkatkan pelaksanaan perjanjian serantau, seperti AATHP, serta memperkukuh keupayaan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan, demi mencapai komuniti mampan dalam memajukan agenda kemampanan ASEAN selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan dan agenda pembangunan global pasca-2030.

Mesyuarat merakamkan penghargaan kepada Republik Indonesia atas usaha berterusan dalam menyediakan penubuhan dan pengoperasian Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ASEAN Coordinating Centre for Transboundary Haze Pollution Control - ACC THPC), termasuk kemajuan dalam pengaturan undang-undang dan prosedur serta dokumen operasi utama, infrastruktur dan kemudahan,

keupayaan teknologi dan pemantauan, struktur organisasi, dan sokongan kewangan, serta merakamkan penghargaan kepada Republik Sosialis Viet Nam atas Instrumen Kelulusan (Instrument of Approval) bagi Perjanjian Penubuhan ACC THPC.

Mesyuarat juga mengambil maklum tentang proses ratifikasi domestik yang sedang dijalankan oleh negara-negara MSC dan menegaskan kepentingan penyerahan dokumen ratifikasi, penerimaan, kelulusan atau penyertaan tepat pada masanya oleh Negara Anggota ASEAN yang diperlukan bagi penguatkuasaannya demi memastikan pengoperasian penuh pusat tersebut.

Mesyuarat mengalu-alukan Pelan Pelaksanaan Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan Bebas Jerebu (Implementation Plan of the ASEAN Investment Framework for Haze-Free Sustainable Land Management - AIF-HFSLM) sebagai pelengkap dan sokongan kepada pelaksanaan Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu (Haze-Free Roadmap) dan Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua (APMS) 2023-2030 (Second ASEAN Peatland Management Strategy - APMS) 2023-2030).

Di samping itu, mesyuarat turut menggalakkan pengukuhan kerjasama dengan Rakan Dialog sedia ada, serta meneroka kerjasama baharu, bagi menangani punca utama dan faktor penyumbang kebakaran dan jerebu, melalui pengurusan hutan dan tanah gambut yang mampan, serta amalan pertanian dan sektor komoditi bebas jerebu, ke arah merealisasikan visi kita demi mencapai ASEAN Bebas Jerebu Rentas Sempadan menjelang 2030.

Mesyuarat mengambil maklum mengenai maklumat cuaca dan asap jerebu Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASEAN Specialised Meteorological Centre's - ASMC's) serta tinjauan bagi rantau selatan ASEAN. Jumlah keseluruhan bilangan titik panas di rantau selatan ASEAN bagi separuh pertama tahun 2026 meningkat kira-kira 86 peratus berbanding tempoh yang sama pada tahun 2025.

Peningkatan ini sebahagiannya berpunca daripada keadaan cuaca yang lebih kering daripada biasa di kebanyakan kawasan rantau ini sepanjang bulan Januari, Mac dan April 2026. ASMC turut melaporkan bahawa keadaan El Niño dijangka berterusan sepanjang separuh kedua tahun 2026 dan berkemungkinan menjadi lebih kuat bermula Ogos hingga September 2026. Indian Ocean



DELEGASI Negara Brunei Darussalam ke Mesyuarat Ke-27 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (Ministerial Steering Committee (MSC) Ke-27) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan diketuai oleh Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (atas kiri dan atas).

Dipole (IOD) positif pula diramal akan berkembang pada antara bulan Julai hingga Ogos 2026.

Berdasarkan tinjauan iklim terkini, taburan hujan yang lebih rendah daripada biasa dijangka berlaku di kebanyakan kawasan di rantau selatan ASEAN dalam bulan-bulan mendatang. Keadaan ini berpotensi meningkatkan bilangan titik panas dan asap jerebu, sekali gus meningkatkan risiko berlakunya asap jerebu rentas sempadan di bawah pengaruh tiupan angin sedia ada dari arah tenggara atau barat daya. Situasi tersebut sejungka akan bertambah serius sekiranya El Niño yang kuat berkembang, akan meningkatkan kemungkinan berlakunya tempoh keadaan kering berpanjangan yang lebih lama. Mesyuarat mengalu-alukan usaha berterusan ASMC untuk menambah baik produk dan perkhidmatannya dalam pemodelan penyebaran jerebu, pembangunan produk pemetaan kawasan terbakar dan penambahbaikan pemantauan ENSO, serta program pembangunan kapasiti di peringkat serantau.

Mesyuarat turut mengiktiraf usaha berterusan Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) dalam memperkukuh keupayaan operasi Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (Southeast Asia Fire Danger Rating System - SEA FDRS) mesyuarat mengambil maklum penilaian MET Malaysia bahawa Indeks Cuaca Kebakaran (Fire Weather Index - FWI) berada pada tahap rendah sepanjang tempoh Julai hingga Disember 2025, yang telah menyumbang kepada penurunan aktiviti titik panas berbanding tahun 2024 di rantau Selatan ASEAN.

Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai pemasangan dua Stesen Cuaca Bantuan Automatik (Automated Auxiliary Weather Stations - AAWS) di kawasan hutan simpan tanah gambut di Semenanjung Malaysia bagi meningkatkan keupayaan pengesanan awal risiko kebakaran.

Di samping itu, mesyuarat mengalu-alukan pelancaran Model Kualiti Udara Komuniti Malaysia (Malaysian Community Air Quality Model - MyCMAQ) pada bulan Mac 2026 sebagai sistem ramalan kualiti udara operasi masa nyata yang menyediakan ramalan berkala beresolusi tinggi terhadap pencemar atmosfera di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Berikutan laporan mengenai

permulaan keadaan El Niño pada Jun 2026 dan ramalan MET Malaysia terhadap cuaca panas dan kering yang lebih mencabar disebabkan oleh fenomena El Niño, mesyuarat menegaskan semula komitmennya untuk mengambil tindakan yang diselaraskan bersama komuniti, perniagaan, masyarakat sivil, rakan dialog, dan agensi kerajaan yang berkaitan bagi memperkukuh usaha pencegahan, kesiapsiagaan, pemadaman, dan mitigasi, serta sokongan yang diperlukan, selaras dengan Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu (Haze-Free Roadmap) dan Prosedur Operasi Standard ASEAN bagi Pemantauan, Penilaian, dan Tindak Balas Kecemasan Bersama (ASEAN Standard Operating Procedure for Monitoring, Assessment, and Joint Emergency Response - SOP MAJER).

Mesyuarat tersebut bersetuju bahawa kerjasama dua hala melengkapi usaha serantau, termasuk pelaksanaan AATHP, dan mengambil maklum Memorandum Persefahaman baru-baru ini antara Republik Indonesia dan Republik Singapura mengenai Perkongsian Dua Hala mengenai Kerjasama Alam Sekitar, yang merangkumi kerjasama mengenai pencemaran rentas sempadan, antara bidang-bidang lain.

Mesyuarat bersetuju untuk

meneroka dan menilai kebolehlaksanaan bagi menerapkan diplomasi sains dalam rangka kerja AATHP melalui mekanisme sedia ada atau penubuhan platform baharu, mengikut kesesuaian; serta meneliti kebolehlaksanaan untuk mempertingkatkan Dana Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan ASEAN dengan mempelbagaikan sumbangan daripada pihak berkepentingan lain yang berkaitan dan memperluas penggunaannya bagi penyelidikan saintifik serta inisiatif diplomasi sains, dengan didukung oleh rangka kerja tadbir urus yang telus dan bertanggungjawab.

Mesyuarat menantikan penganjuran Mesyuarat Ke-21 Jawatankuasa di bawah Persidangan Pihak-pihak kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (COM-21) dan Mesyuarat Ke-21 Persidangan Ahli-Ahli Parti kepada Perjanjian ASEAN mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (COP21) yang dijadualkan secara tentatif pada Oktober 2026 di Da Nang, Viet Nam.

Mesyuarat merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Indonesia atas kesudian menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat MSC Ke-27 dan mengambil maklum mengenai Mesyuarat MSC Ke-28 yang akan diadakan di Malaysia pada tahun 2027.

جانبين كاجي چوليا بروني دارالسلام
BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

BERHENTI DI TEMPAT YANG SELAMAT UNTUK MENGELAKKAN KEMALANGAN

Berhenti sementara jika hujan bertambah lebat dan penglihatan awda terjejas akibat kabus dan cuaca yang gelap

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Memperkukuh kerjasama, dialog, pertukaran profesional antara badan kehakiman



KETUA Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 7 hingga 9 Julai 2026 bagi mengadakan Lawatan Kerja atas jemputan Yang Amat Arif Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh berada di Negara Brunei Darussalam (NBD) bermula 7 hingga 9 Julai 2026 bagi mengadakan Lawatan Kerja atas jemputan Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD, Yang Amat Arif Dato Seri Paduka Steven Chong Wan Oon.

Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid diiringi oleh delegasi daripada Badan Kehakiman Malaysia yang terdiri daripada Presiden Mahkamah Rayuan, Yang Amat Arif Datuk Seri Abu Bakar bin Jais

dan Hakim Besar Malaya, Yang Amat Arif Datuk Seri Hashim bin Hamzah serta Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Yang Amat Arif Datuk Hajah Azizah binti Haji Nawawi.

Lawatan ini merupakan Lawatan Rasmi pertama Ketua Hakim Negara Malaysia, Yang Amat Arif Tun Wan Ahmad Farid ke NBD sejak memegang jawatan tersebut dan merupakan Lawatan Rasmi pertama beliau ke negara Asia Tenggara dalam kapasitinya sebagai Ketua Hakim Negara.

Perkara ini mencerminkan hubungan persahabatan yang telah lama terjalin, kepercayaan bersama serta kerjasama

kehakiman yang erat antara Badan Kehakiman NBD dan Malaysia.

Pada 8 Julai 2026, Ketua Hakim Mahkamah Besar NBD telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Dua Hala Dwi-tahunan Pertama antara kedua-dua badan kehakiman berikutan pemeteraian Memorandum Kerjasama Kehakiman (MOJC) antara Mahkamah Besar NBD dan Mahkamah Persekutuan Malaysia pada 6 Mac 2024.

MOJC mewujudkan kerjasama secara rasmi antara Badan Kehakiman NBD dan Malaysia serta menjadi tonggak utama kerjasama kehakiman dengan menyediakan platform untuk

Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Besar Negara Brunei Darussalam

memperkukuh komunikasi, khususnya melalui pertukaran pengetahuan, kepakaran dan amalan terbaik demi manfaat kedua-dua badan kehakiman.

Semasa mesyuarat dua hala tersebut, kedua-dua Ketua Hakim telah mengadakan perbincangan yang konstruktif mengenai kemajuan semasa dan hala tuju masa hadapan MOJC.

Kedua-dua Ketua Hakim mengambil maklum akan pencapaian penting sejak memorandum itu diwujudkan, termasuk pelancaran Siri Syarahan Kehakiman NBD-Malaysia serta pelaksanaan yang berjaya bagi Program Penempatan Kehakiman, di mana dua Pegawai Kehakiman dari NBD telah menjalani penempatan di Mahkamah-Mahkamah Malaysia.

Di bawah Siri Syarahan Kehakiman NBD-Malaysia, dua sesi dalam talian telah diadakan. Syarahan sulung memberi tumpuan kepada prinsip-prinsip penulisan penghakiman, manakala sesi kedua membincangkan kesalahan seksual terhadap kanak-kanak serta pengendalian kes-kes sensitif yang melibatkan saksi.

Kedua-dua Ketua Hakim turut membincangkan kejayaan Program Penempatan Kehakiman yang dianjurkan oleh Badan

Kehakiman Malaysia dan disertai oleh dua pegawai kehakiman dari NBD pada tahun 2025.

Program tersebut telah memperkukuh hubungan institusi antara kedua-dua badan kehakiman dan NBD berharap dapat mengalu-alukan pegawai-pegawai kehakiman daripada Badan Kehakiman Malaysia di bawah program penempatan timbal balik pada tahun 2027.

Kedua-dua Ketua Hakim menegaskan semula komitmen mereka untuk terus memperkukuh kerjasama di bawah MOJC serta meneroka bidang-bidang baharu yang berkepentingan bersama pada masa akan datang.

Penekanan khusus diberikan kepada bidang pentadbiran kehakiman, tadbir urus mahkamah, teknologi transkripsi suara kepada teks serta perkembangan penggunaan teknologi dan kecerdasan buatan dalam menyokong pentadbiran keadilan.

Sebagai penutup mesyuarat dua hala tersebut, kedua-dua Ketua Hakim menyatakan keyakinan bahawa MOJC akan terus menjadi kerangka penting dalam memperkukuh kerjasama, dialog dan pertukaran profesional antara Badan Kehakiman NBD dan Malaysia.

PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN PERKASA POTENSI PELAJAR BERKEPERLUAN KHAS

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

KATOK, Khamis, 9 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Khas telah mengadakan Majlis Peringkat Akhir Pertandingan Membaca Ayat Suci Al-Quran bagi Pelajar Berkeperluan Khas Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Kerajaan Tahun 2026 bertempat di Auditorium 1, Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Hajah Rosmawatty binti Haji Abdul Mumin.

Pertandingan tahun 2026 ini merupakan satu penambahbaikan daripada format hafazan Al-Quran yang dilaksanakan sebelum ini dengan memperkenalkan pendekatan bacaan Al-Quran yang lebih inklusif.

Pendekatan ini membolehkan penyertaan yang lebih meluas dalam kalangan pelajar berkeperluan khas, di samping mengiktiraf kebolehan mereka dalam aspek bacaan, sebutan dan keyakinan diri.

Penganjuran pertandingan ini turut mencerminkan komitmen Kementerian Pendidikan dalam memastikan pelajar berkeperluan khas mendapat peluang yang saksama untuk mengembangkan potensi mereka selaras dengan prinsip Pendidikan Inklusif.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan pertandingan peringkat akhir.

Majlis kemudian diteruskan dengan tayangan video sekitar pertandingan separuh akhir, diikuti dengan ulasan dan pengumuman keputusan dan seterusnya penyampaian hadiah kepada para pemenang dan hadiah sagu hati serta sijil penyertaan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Pada tahun ini, seramai 16 orang pelajar berkeperluan khas berjaya mara ke peringkat akhir selepas melalui saringan di peringkat sekolah dan separuh akhir.

Para finalis terdiri daripada pelajar sekolah rendah dan menengah kerajaan yang bertanding dalam dua kategori, iaitu Kategori Rendah (Tahun 4-6) dan Kategori Menengah (Tahun 7-11).

Awang Ahmad Thoriq Al-Hafiy bin Nafis daripada Sekolah Rendah Jerudong muncul sebagai johan Kategori Lelaki Peringkat Rendah, manakala Dayang Noor Nayla Naufalyn binti Muhammad Syarqawi daripada Sekolah Rendah Mabohai menjadi johan Kategori Perempuan Peringkat Rendah.

Sementara johan Kategori Lelaki Peringkat Menengah disandang oleh Awang Md. Iqbal bin Shahiman daripada Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali dan Dayang Nuurnisaa binti Mohammad Isa daripada Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja, Mentiri muncul sebagai johan Kategori Perempuan Peringkat Menengah.

Para johan menerima trofi, hadiah berupa peralatan sekolah

bernilai BND100 serta sijil penyertaan.

Tempat kedua masing-masing dimenangi oleh Awang Mohammad Qais Zulqarnain bin Mohammad Hadi Sumardi daripada Sekolah Rendah Awang Haji Mohamad Yusof Katimahar bagi Kategori Lelaki Peringkat Rendah; Dayang Ainul Mardhiah Masyitah binti Abdullah daripada Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata Gadong bagi Kategori Perempuan Peringkat Rendah; Awang Muhammad Wadihan Azhar@Daniyal bin Rosihan daripada Sekolah Menengah Sayyidina Husain bagi Kategori Lelaki Peringkat Menengah; dan Dayangku Nur Azima Aqilah binti Pengiran Azmassan daripada Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri bagi Kategori Perempuan Peringkat Menengah.

Mereka masing-masing menerima trofi, hadiah berupa peralatan sekolah bernilai BND80 serta sijil penyertaan.

Manakala tempat ketiga pula dimenangi oleh Awang Abdul Sabir Zarif bin Muhammad Yusri daripada Sekolah Rendah Kampung Mata-Mata Gadong bagi Kategori Lelaki Peringkat Rendah dan Dayang Nur Alya Adriana binti Abdullah daripada Sekolah Rendah Lumapas bagi Kategori Perempuan Peringkat Rendah.

Diikuti dengan Awang Md. Haziq Safwan bin Abdullah daripada Sekolah Menengah Perdana Wazir bagi Kategori Lelaki Peringkat Menengah dan Dayang Nurul Syahfina Syahkilah binti Mohamad Shahrian Shah daripada Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah,



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan hadiah kepada para pemenang yang menyertai Pertandingan Membaca Ayat Suci Al-Quran bagi Pelajar Berkeperluan Khas Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah Kerajaan Tahun 2026.

Lumut bagi Kategori Perempuan Peringkat Menengah.

Para pemenang tempat ketiga masing-masing menerima trofi, hadiah berupa peralatan sekolah bernilai BND60 serta sijil penyertaan.

Sementara itu, hadiah sagu hati berupa peralatan sekolah bernilai BND40 berserta sijil penyertaan turut diberikan kepada para finalis lain dalam kedua-dua kategori.

Majlis juga diserikan dengan persembahan khas oleh pelajar-pelajar berkeperluan khas dari Sekolah Rendah Kapok.

Pertandingan tersebut bertujuan meningkatkan akses dan penyertaan pelajar berkeperluan khas dalam aktiviti berkaitan Al-Quran melalui pendekatan yang lebih inklusif.

Di samping itu, pertandingan juga bertujuan menilai kemahiran bacaan Al-Quran pelajar,

menggalakkan perkembangan kemahiran asas tilawah secara berperingkat serta membina keyakinan diri pelajar untuk melibatkan diri secara aktif.

Selaras dengan prinsip Pendidikan Inklusif, pertandingan tersebut turut menyediakan platform yang memberi peluang secara saksama kepada pelajar berkeperluan khas untuk mendapat akses kepada aktiviti pembelajaran, meningkatkan penyertaan aktif serta menyerahkan potensi masing-masing dalam bacaan Al-Quran.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah ketua-ketua jabatan, pemimpin-pemimpin sekolah, jemputan-jemputan khas, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, guru-guru pendidikan khas dan guru-guru peringkat rendah dan menengah.

20 MUSLIMAH MASJID SERTAI KELAS KEMAHIRAN MEMBUAT KUIH ARDAM

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid



TANAH JAMBU, Rabu, 8 Julai. - Seramai 20 orang Muslimah Masjid dari Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Tutong telah menyertai Kelas Kemahiran

Membuat Kuih Ardams yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia (PPB), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Program tersebut bertujuan melahirkan individu yang berdaya tahan dengan membekalkan kemahiran yang dapat membuka peluang menjana pendapatan, mewujudkan pekerjaan serta menceburi bidang keusahawanan secara mandiri.

Selain itu, program berkenaan turut memberikan pendedahan asas kepada para peserta mengenai kemahiran membuat kuih ardams, iaitu kuih tradisional yang semakin kurang dipraktikkan pada masa kini.

Turut menyertai kelas tersebut ialah isteri Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Fairuz binti Haji Zolkipli.

Kelas kemahiran ini dikendalikan oleh Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU dengan kerjasama PPB, KKBS.

Majlis diakhiri dengan penyampaian sijil kepada para peserta yang disempurnakan oleh



ANTARA yang menyertai Kelas Kemahiran Membuat Kuih Ardams yang diadakan di Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (atas dan kiri).

Penolong Pengarah PPB, KKBS, Awang Haswandi bin Haji Osman.

Diharapkan penganjuran kelas seumpama ini akan terus memberi manfaat kepada Muslimah masjid dan masyarakat dengan

menyediakan kemahiran asas yang berguna, di samping meningkatkan pengetahuan serta menambah nilai kepada kemahiran sedia ada, khususnya dalam kalangan peserta sasaran.

SUAMPRIPAHS juara Pertandingan Sketsa Keselamatan Jalan Raya

■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



PERTANDINGAN bertujuan untuk menguji bakat lakonan dan kreativiti para pelajar, di samping menjadi platform yang berkesan dalam menyampaikan mesej penting mengenai keselamatan jalan raya (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir menyaksikan pertandingan berkenaan.

RIMBA, Rabu, 8 Julai. - Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS) muncul juara Pertandingan Sketsa Keselamatan Jalan Raya bagi Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah Senegara Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Rimba III.

Naib juara disandang oleh Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah, manakala Ma'had Islam Brunei menduduki tempat ketiga.

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kesenian dan Kreativiti, Jabatan Pendidikan Kokurikulum dengan kerjasama Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya

(MKKJR).

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat.

Ma'had Islam Brunei turut menerima hadiah Skrip Terbaik pada pertandingan berkenaan.

Manakala Pelakon Terbaik Lelaki diberikan kepada Shaikh Mumtaz Al-'Abqoriyy bin Shaikh Md. Khairul Anuar dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanah Bolkiah dan Dayang Nur Raudahatul Batrisyia binti Daharin dari SUAMPRIPAHS dinobatkan sebagai Pelakon Terbaik Perempuan.



PENGARAH Pendidikan Kokurikulum, Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang.

Sebanyak 12 buah pasukan dari sekolah rendah dan 12 buah pasukan dari sekolah menengah kerajaan dan swasta di bawah kawalan Kementerian Pendidikan serta sekolah di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di seluruh negara menyertai pertandingan tersebut.

Lima buah pasukan sekolah rendah dan lima buah pasukan sekolah menengah berjaya mara ke peringkat akhir pertandingan.

Objektif penganjuran pertandingan berkenaan adalah untuk meningkatkan kesedaran pelajar tentang kepentingan mematuhi peraturan jalan raya.

Di samping itu, pertandingan tersebut diharapkan dapat membentuk generasi muda yang lebih berdisiplin, berhemah serta peka terhadap keselamatan diri dan orang lain ketika berada di jalan raya.

Pertandingan juga bertujuan untuk menguji bakat lakonan dan kreativiti para pelajar, di samping

menjadi platform yang berkesan dalam menyampaikan mesej penting mengenai keselamatan jalan raya.

Selain itu, ia juga diharap dapat

meningkatkan keyakinan diri para pelajar, memupuk kepercayaan terhadap kebolehan diri sendiri serta menggalakkan semangat kerjasama dalam pasukan.



1,775 PELAJAR SERTAI MAJLIS ORIENTASI IBTE

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman



PENGARAH Pendidikan Teknik/Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Orientasi Pelajar bagi Pengambilan Julai 2026 (kanan) manakala gambar kiri, sekitar majlis yang mengambil tempat di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam.

TUNGKU LINK, Rabu, 8 Julai. - Seramai 1,775 pelajar baharu Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menyertai Majlis Orientasi Pelajar bagi Pengambilan Julai 2026.

Majlis orientasi tersebut diadakan selama tiga hari pada 8 hingga 10 Julai 2026 di Dewan Canselor, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Bagi Sesi Akademik Julai 2026/2027, IBTE menawarkan sebanyak 53 program pengajian terdiri daripada lima program Diploma (BDQF Tahap 5), 28 program Sijil Pendidikan Teknikal Tinggi Kebangsaan (Higher National Technical Education Certificate - HNTec), 16 program Sijil Pendidikan Teknikal Kebangsaan (National Technical Education Certificate - NTec) dan empat program Kemahiran Kelayakan Perindustrian (Industrial Skills Qualification - ISQ).

Hadir selaku tetamu kehormat, Pengarah Pendidikan Teknik/Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli.

Turut hadir, pihak Pengurusan Tertinggi IBTE, pihak pengurusan IBTE serta pegawai-pegawai IBTE.

Majlis Pembukaan Orientasi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti lafaz ikrar oleh

Majlis Perwakilan Pelajar dari Sekolah Agro-Teknologi dan Sains Gunaan.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dr. Haji Mohd. Zamri menekankan bahawa Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di IBTE bukan sekadar membekalkan kemahiran teknikal, malah membentuk pelajar yang berkeyakinan, berdaya tahan, inovatif dan bersedia menghadapi cabaran dunia pekerjaan yang semakin dipengaruhi oleh pendigitalan, Kecerdasan Buatan (AI) dan kelestarian.

Beliau turut menggalakkan para pelajar agar mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, sentiasa meningkatkan kemahiran serta berani merebut peluang dalam dunia yang sentiasa berubah.

Pada majlis tersebut, beliau turut mengumumkan pelaksanaan Pendidikan Kelestarian IBTE bagi Matlamat Alam Sekitar dan Pembangunan (IBTE Sustainability Education for Environment and Development Goals - ISEED).

ISEED merupakan inisiatif pembelajaran elektronik strategik baharu yang dibangunkan oleh Centre of Technology Enhanced Learning (CTEL).

Bermula Julai 2026, semua pelajar baharu IBTE akan

mengikuti program tersebut yang merangkumi pembelajaran berkaitan kelestarian, literasi digital, AI, teknologi baharu muncul, kemahiran insaniah serta kompetensi masa hadapan.

Pelajar yang berjaya menamatkan program tersebut akan dianugerahkan e-Sijil dan rencana digital sebagai pengiktirafan terhadap pencapaian mereka.

Memandangkan ucapan tersebut merupakan ucapan alu-aluan terakhir beliau sebelum bersara, Dr. Haji Mohd. Zamri turut menitipkan pesanan kepada para pelajar agar sentiasa mencari peluang, berani menghadapi perubahan, mengekalkan sifat ingin tahu dan terus belajar.

Beliau berkata, kelayakan yang diperoleh mungkin membuka pintu pertama dalam kerjaya para pelajar. Namun sikap, integriti, profesionalisme, ketabahan serta komitmen terhadap pembelajaran sepanjang hayatlah yang akan menentukan sejauh mana lebih banyak peluang akan terbuka sepanjang perjalanan kerjaya nanti.

"Setiap cabaran yang ditempuhi merupakan peluang untuk menjadi lebih kuat, lebih bijaksana dan lebih berdaya tahan.

"Ingatlah bahawa

kecemerlangan bukanlah bermaksud menjadi sempurna, tetapi sentiasa berusaha untuk menjadi lebih baik pada setiap hari.

"Yang paling penting, teruslah melabur dalam diri sendiri kerana pelaburan yang paling bernilai ialah pelaburan terhadap ilmu pengetahuan, kemahiran, sahsiah dan nilai diri," ujar beliau.

Sementara itu, Pemangku Timbalan CEO IBTE, Dayang Hajah Siti Afsah binti Haji Duraman, dalam ucapannya, mengalu-alukan kedatangan para pelajar baharu ke keluarga besar IBTE.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pelajar kerana berjaya melangkah ke institusi TVET negara dan menegaskan bahawa pengajian di IBTE merupakan permulaan kepada pembentukan individu yang berkemahiran, berkeyakinan serta bersedia memenuhi keperluan industri.

Beliau turut menekankan kepentingan TVET sebagai pemacu pembangunan ekonomi negara serta menggalakkan para pelajar memanfaatkan sepenuhnya pembelajaran berasaskan amali, latihan industri, projek inovasi, pembangunan kepimpinan dan aktiviti

kokurikulum yang ditawarkan di IBTE.

Menurut beliau, pengalaman yang diperoleh sepanjang pengajian akan melengkapkan para pelajar dengan kemahiran teknikal, profesionalisme dan nilai insaniah yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia pekerjaan.

Beliau juga mengingatkan para pelajar supaya sentiasa tabah menghadapi cabaran, berani mencuba perkara baharu, membina keyakinan diri serta terus berusaha mencapai kecemerlangan.

Sepanjang minggu orientasi, para pelajar akan mengikuti pelbagai sesi taklimat dan aktiviti yang dikendalikan oleh IBTE serta beberapa agensi kerajaan termasuk Jabatan Penjara bagi memberikan pendedahan mengenai aspek keselamatan, disiplin, kesejahteraan pelajar, pembangunan sahsiah serta pelbagai perkhidmatan sokongan yang disediakan.

Program orientasi berkenaan diakhiri dengan sesi taklimat akademik dan keagamaan yang dikendalikan oleh tenaga pengajar di kampus masing-masing bagi membantu para pelajar menyesuaikan diri dengan persekitaran pembelajaran di IBTE.

Latihan Perkhidmatan Pelanggan perkasa kompetensi pemandu pelancong

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad



PEMANGKU Timbalan Pengarah Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Aji hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para penerima pada majlis tersebut.

GADONG, Rabu, 8 Julai. - Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan telahpun berlangsung selama tiga hari, bermula dari 6 hingga 8 Julai 2026 yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan (JKP), Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri dengan

kerjasama SEAMEO Regional Centre for Vocational and Technical Education and Training (Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH).

Seramai 15 orang pemandu pelancong yang berdaftar di bawah JKP telah menyertai latihan tersebut.

Sehubungan itu, Majlis Penutup

dan Penyampaian Sijil Latihan berkenaan berlangsung hari ini di Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH.

Hadir menyempurnakan penyampaian sijil pada majlis tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Pelancongan, Dayang Hajah Nur Fariza Munyati binti Haji Abd. Aji.

Juga hadir, Pengarah Pusat Serantau SEAMEO VOCTECH, Awang Haji Norjemee bin Jenek.

Latihan tersebut adalah merupakan salah satu komitmen JKP dalam usaha meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan pelanggan ke tahap yang cemerlang dengan menerapkan nilai-nilai kelslaman.

Melalui pendekatan ini, jabatan berkenaan secara strategik memperkukuhkan kedudukan pelancongan Islam sebagai Unique Selling Point yang membezakan Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada destinasi serantau yang lain.

Usaha mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dalam industri pelancongan negara kini diperkukuhkan lagi melalui pelaksanaan Kempen MESRA (Muhabbah, Etika, Senyum, Ramah dan Adil) yang telah diperkenalkan sejak tahun 2022.

Selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), kempen ini berfungsi sebagai garis panduan bagi memastikan setiap penyedia perkhidmatan dapat mengamalkan

dan menghayati nilai-nilai tersebut demi kecemerlangan layanan pelanggan.

Melalui program latihan yang disediakan, para peserta bukan sahaja dapat mendalami asas perkhidmatan pelanggan berteraskan prinsip Islam, malah berupaya memantapkan kemahiran, pengetahuan, serta sikap kerja yang berorientasikan prestasi tinggi.

Latihan ini amatlah penting bagi JKP untuk memastikan setiap pemandu pelancong berlesen sentiasa kompeten dalam mengendalikan pelancong selaras dengan garis panduan Islam, di samping memperkukuhkan pengetahuan, kemahiran dan sikap profesional bagi menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti, berkesan dan beretika.

Penghayatan nilai-nilai kebruneian seperti keramahan, kesantunan dan budi bahasa sebagai identiti negara bukan sahaja dapat memperkukuh profesionalisme dalam sektor hospitaliti dan pelancongan di NBD, malah turut menyumbang kepada penyampaian pengalaman pelancongan yang berkualiti tinggi serta meninggalkan tanggapan positif kepada setiap pengunjung.

SEKOLAH PGGMB SEMARAKKAN SAMBUTAN HARI KEPUTERAAN

Siaran Akhbar dan Foto :
Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei



LAMBAK, Khamis, 9 Julai. - Menjelang Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80, yang disambut pada 15 Julai setiap tahun, pelbagai acara terus diadakan bagi menyemarakkan semangat patriotisme serta menzahirkan rasa kasih dan taat setia rakyat dan penduduk negara ini kepada raja dan negara.

Sehubungan itu, semua sekolah di bawah pentadbiran Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) hari ini mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam (NBD) sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Ke-80, yang berlangsung di Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak. Hadir pada majlis tersebut ialah



PERSEKUTUAN Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) semasa mengadakan Majlis Menaikkan Bendera Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 yang berlangsung di Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak (atas dan kiri).

Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Guru Besar STJ PGGMB Lambak, Dayang Noridah binti Abdullah; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Tadbir PGGMB; guru-guru besar sekolah-sekolah PGGMB; para guru serta murid-murid. Menurut Guru Besar STJ PGGMB Lambak, majlis tersebut diadakan bagi memupuk dan

menanamkan semangat cintakan raja dan negara.

Di samping itu juga memupuk nilai-nilai murni dalam kalangan murid sekolah agar sentiasa taat setia kepada raja, negara, bangsa dan ugama.

Beliau turut menekankan bahawa murid-murid merupakan aset penting negara yang bakal meneruskan pembangunan bangsa dan berperanan dalam

merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti nyanyian Lagu Kebangsaan Allah Peliharakan Sultan, upacara menaikkan Bendera NBD serta nyanyian Lagu-lagu Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

ChemBuddy Supreme+ raih pengiktirafan antarabangsa



CHEMBUDDY Supreme+, yang dibangunkan oleh Awang Haji Zaid Hayat bin Haji Kassim, Guru Kimia di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan, terpilih sebagai salah seorang pemenang Anugerah Innovate for Impact di bawah Kategori Generative AI for Creativity pada AI for Good Global Summit 2026 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

GENEVA, SWITZERLAND, Khamis, 9 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi mencatat satu lagi pencapaian membanggakan dalam bidang inovasi Kecerdasan Buatan (AI) apabila ChemBuddy Supreme+, yang dibangunkan oleh Awang Haji Zaid Hayat bin Haji Kassim, Guru Kimia di Sekolah Menengah Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan, terpilih sebagai salah seorang pemenang Anugerah Innovate for Impact di bawah kategori Generative AI for Creativity pada AI for Good Global Summit 2026 yang berlangsung di Geneva, Switzerland.

ChemBuddy Supreme+ merupakan sebuah platform pendidikan berasaskan AI yang inovatif, direka untuk menyediakan pengalaman pembelajaran subjek

kimia yang lebih diperibadikan dan inklusif.

Melalui bantuan pintar, keupayaan pembelajaran interaktif serta bimbingan yang disesuaikan mengikut keperluan, platform tersebut membantu para pelajar memahami konsep kimia dengan lebih berkesan, di samping membolehkan para pendidik menyampaikan pengajaran yang lebih menarik dan efektif.

Dipilih daripada hampir 400 penyertaan daripada seluruh dunia, ChemBuddy Supreme+ merupakan antara 59 projek yang diiktiraf sebagai pemenang kerana menunjukkan potensi transformasi AI dalam menghasilkan impak sosial yang bermakna.

Anugerah Innovate for Impact mengiktiraf penyelesaian AI yang kreatif, berimpak tinggi dan

berpotensi menangani cabaran global, selaras dengan usaha menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDGs) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kategori Generative AI for Creativity pula memberi pengiktirafan kepada penyelesaian berasaskan AI generatif yang meningkatkan kreativiti, pembelajaran dan potensi insan.

Pengiktirafan di peringkat antarabangsa pada AI for Good Global Summit 2026 itu merupakan kesinambungan kepada kejayaan ChemBuddy Supreme+ di Brunei ICT Awards (BICTA) 2025 apabila platform tersebut dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori Inclusion



ELAKKAN MENEKAN BREK JIKA KENDERAAN AWDA TERBABAS

Biarkan kenderaan awda meluncur dan gunakan stereng untuk menghalakan kenderaan awda ke tempat yang selamat

bruneiweather @brunei.weather Weather Line 114 www.met.gov.bn

Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam

and Community Services.

Pengiktirafan tersebut mengiktiraf sumbangan platform berkenaan dalam memperluas akses pendidikan yang inklusif serta memanfaatkan teknologi untuk memberikan impak positif kepada masyarakat.

Pihak Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) berbangga dapat menyokong penyertaan Awang Haji Zaid Hayat bin Haji Kassim dalam AI for Good Global Summit 2026, sekali gus membolehkan ChemBuddy Supreme+ di pentas antarabangsa bersama pakar-pakar AI, para inovator, pembuat dasar, pemain industri serta komuniti teknologi dari seluruh dunia.

Kejayaan ChemBuddy

Supreme+ di peringkat antarabangsa mencerminkan keupayaan NBD yang semakin berkembang dalam bidang inovasi AI serta potensinya dalam menangani cabaran dunia sebenar, khususnya dalam sektor pendidikan dan keterangkuman.

Kejayaan ini juga menjadi inspirasi kepada masyarakat dengan menonjolkan kepentingan memperkasa para pendidik dan bakat tempatan untuk memanfaatkan teknologi baharu secara bertanggungjawab demi kesejahteraan masyarakat.

AITI akan terus komited dalam menyokong para inovator tempatan serta memperkukuhkan ekosistem digital negara ke arah masa depan digital yang lebih inklusif, mampan dan berdaya saing.



Sila Imbas Untuk
Khutbah Lengkap

MENGUKUHKAN TAAT SETIA RAKYAT KEPADA RAJA



جہاتن حال احوال مسجید
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

KETAATAN KEPADA RAJA

- Ketaatan ini merupakan tuntutan syarak yang tidak boleh kita ragui lagi demi menjamin kestabilan negara, keamanan sejagat dan keharmonian ummah.
- Taat setia kepada baginda bukan sekadar kepatuhan kepada peraturan, tetapi ia adalah satu ikatan janji yang suci untuk bersama-sama menjaga kedaulatan negara.



BAGAIMANA MENZAHIRKAN TAAT SETIA?

Antara cara kita menzahirkan taat setia kepada raja yang kita kasihi ialah dengan mematuhi peraturan dan undang-undang negara. Malah taat setia yang paling nyata adalah dengan menghormati kedaulatan undang-undang.



MENGHAYATI MELAYU ISLAM BERAJA (MIB)

Taat setia yang paling utuh adalah dengan mempraktikkan cara hidup berlandaskan falsafah Melayu Islam Beraja.



MENYUMBANG KEPADA NEGARA

Rakyat yang taat adalah rakyat yang produktif. Kita mestilah menterjemahkan taat setia dengan bekerja bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang kita ceburi.



MEMELIHARA PERPADUAN

Menjadi rakyat yang bersatu padu juga merupakan tanda ketaatan kepada raja. Menjaga adab, menghormati institusi diraja, dan mengelakkan perdebatan yang sia-sia adalah bukti nyata kita seorang rakyat yang berjiwa besar.

MENSYUKURI NIKMAT KEPIMPINAN

Oleh yang demikian, cara terbaik untuk kita mensyukuri nikmat kepimpinan baginda adalah dengan menjadi rakyat yang taat, berdisiplin dan bersatu padu. Sebagai menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah SWT dan taat setia kita kepada raja, marilah kita hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara bagi Acara Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardhu Maghrib Berjemaah bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang ke 80 tahun pada petang hari Selasa, 14 Julai 2026.





Mengukuhkan taat setia rakyat kepada raja

Allah Subhanahu Wata'ala dan rasul-Nya. Ketaatan ini merupakan tuntutan syarak yang tidak boleh kita ragui lagi demi menjamin kestabilan negara, keamanan sejagat dan keharmonian umat.

Islam amat menitikberatkan hubungan yang baik antara pemimpin dan rakyat. Dalam konteks negara kita, taat setia kepada raja bukan sekadar kebiasaan yang diwarisi turun-temurun, malah satu tuntutan agama yang wajib dipelihara bagi menzahirkan rasa syukur serta mematuhi perintah agama bagi menunjukkan keimanan. Taat setia kepada baginda bukan sekadar kepatuhan kepada peraturan tetapi ia adalah satu ikatan janji yang suci untuk bersama-sama menjaga kedaulatan negara. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari, daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu.

Maksudnya : "Sesiapa yang mentaatiku, maka dia telah mentaati Allah dan sesiapa yang menderhakaiku, maka dia telah menderhakai Allah dan sesiapa yang mentaati pemerintahku (pemimpinku) maka dia telah mentaatiku dan sesiapa yang menderhakai pemerintahku maka dia telah menderhakai aku".

Ingatlah bahawa taat setia kita kepada raja perlulah diterjemahkan menerusi akhlak yang baik, lalu dibuktikan dengan perbuatan yang terpuji. Antara cara kita menzahirkan taat setia kepada raja yang kita kasihi ialah dengan mematuhi peraturan dan undang-undang negara. Malah taat setia yang paling nyata adalah dengan menghormati kedaulatan undang-undang. Hal ini kerana raja atau pemimpin berfungsi sebagai penaung yang memastikan keadilan dan keamanan sentiasa ditegakkan. Apabila rakyat mematuhi peraturan, ia secara tidak langsung membantu raja dalam menjaga masalah umum. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, daripada Ibnu Umar Radiallahuanhuma :

Maksudnya : "Wajib atas seorang Muslim untuk mendengar dan taat (kepada penguasa) pada perkara yang dia sukai mahupun yang dia benci, kecuali jika dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan. Apabila dia diperintahkan untuk melakukan kemaksiatan, maka tidak boleh didengar dan tidak boleh ditaati".

Selaku rakyat, kita hendaklah sentiasa mendoakan kesejahteraan, kesihatan dan

perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala untuk Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat diraja sebagai tanda ketaatan kita. Mendoakan raja dan pemerintah adalah antara adab besar dalam Islam kerana dengan kebaikan pemerintah, akan terpelihara urusan agama, keamanan negara dan kesejahteraan rakyat. Maka doa kepada raja bukan sekadar adat, bahkan termasuk dalam tuntutan agama agar negara terus berada dalam rahmat, hidayah dan perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, menjadi kewajipan kita selaku rakyat untuk terus mengukuhkan saf, memperkasa jati diri dengan konsisten menghayati konsep Melayu Islam Beraja (MIB). Taat setia yang paling utuh adalah dengan mempraktikkan cara hidup berlandaskan falsafah MIB. Apabila rakyat hidup berakhlak, istiqamah dalam beribadah dan sentiasa bersatu padu, ia sudah tentu menjadi kekuatan yang dapat membantu baginda dalam mempertahankan kedaulatan negara daripada anasir-anasir yang tidak sihat.

Seterusnya sebagai rakyat, kita juga bertanggungjawab secara aktif pada menyumbang kepada pembangunan negara. Rakyat yang taat adalah rakyat yang produktif. Kita mestilah menterjemahkan taat setia dengan bekerja bersungguh-sungguh dalam apa jua bidang yang kita ceburi. Setiap sumbangan kecil kita, sama ada dalam bidang pendidikan, ekonomi, mahupun khidmat awam adalah sokongan dan bantuan kepada baginda dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Menjadi rakyat yang bersatu padu juga merupakan tanda ketaatan kepada raja. Baginda sentiasa menitikberatkan perpaduan. Oleh itu, taat setia bermaksud kita tidak membenarkan diri kita dipecahbelahkan oleh fitnah, khususnya di media sosial. Menjaga adab, menghormati institusi diraja dan mengelakkan perdebatan yang sia-sia adalah bukti nyata kita seorang rakyat yang berjiwa besar.

Ketahuilah bahawa keberkatan hidup di negara ini tidak datang dengan sendiri. Ia adalah cerminan daripada keberkatan seorang pemimpin yang mencintai rakyatnya. Baginda sentiasa menunjukkan contoh teladan yang unggul dalam menjaga

dan memartabatkan syiar Islam. Lihatlah bagaimana baginda menitikberatkan pendidikan agama, pembangunan masjid-masjid yang indah sebagai pusat ibadah dan sentiasa memastikan kebajikan rakyat terjamin melalui pelbagai skim bantuan. Bukankah Allah Subhanahu Wata'ala telah menjanjikan bahawa jika bersyukur atas nikmat yang telah dikurniakan kepada kita, termasuklah nikmat memiliki pemimpin yang adil, Allah akan menambah lagi nikmat-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Oleh yang demikian, cara terbaik untuk kita mensyukuri nikmat kepimpinan baginda adalah dengan menjadi rakyat yang taat, berdisiplin dan bersatu padu. Semoga Allah Subhanahu Wata'ala terus melimpahkan rahmat, hidayah dan kekuatan kepada baginda untuk terus menerajui Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini kekal aman makmur di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai menzahirkan rasa syukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan taat setia kepada raja, marilah kita hadir ke masjid-masjid, surau-suru dan balai-balai ibadah di seluruh negara bagi Acara Majlis Doa Kesyukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah bersempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun pada petang hari Selasa, 14 Julai 2026 dengan niat mudah-mudahan raja yang kita kasihi akan dilanjutkan usia, sihat walafiat dan kekal karar memerintah Negara Brunei Darussalam di bawah perlindungan Allah Subhanahu Wata'ala. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina". (Surah Ghafir, ayat 60)

Bantuan anak yatim tanda keprihatinan pesara guru

KUMPULAN Pesara Guru bergambar ramai semasa mengadakan projek sumbangan untuk anak-anak yatim melalui Jawatankuasa Ad Hoc Kutipan Derma Anak Yatim Ke-6, Tahun 2026, khusus bagi anak-anak yatim.

KUALA BELAIT, Khamis, 9 Julai. - Kumpulan Pesara Guru telah mengadakan projek sumbangan untuk anak-anak yatim melalui Jawatankuasa Ad Hoc Kutipan Derma Anak Yatim Ke-6, Tahun 2026, khusus bagi anak-anak yatim di sekolah-sekolah kerajaan di Daerah Belait yang berlangsung di Dewan Sekolah Rendah Sungai Liang, Kuala Belait.

Hadir selaku tetamu khas ialah mantan Penyalia Kanan Daerah Tutong, Awang Haji Yahya bin Haji Abdul Rahman.

Seramai 51 anak yatim bersama ibu atau penjaga masing-masing telah hadir ke majlis tersebut. Setiap anak yatim telah menerima sumbangan wang tunai sebanyak BND181 di samping pelbagai buah



tangan.

Tujuan majlis ini adalah untuk meringankan beban perbelanjaan harian mereka, khususnya bagi anak-anak yang masih bersekolah, di samping menzahirkan rasa kasih sayang, keprihatinan dan sokongan masyarakat terhadap golongan anak yatim.

Islam amat menitikberatkan kebajikan serta kasih sayang terhadap anak yatim. Mereka

merupakan golongan yang perlu diberikan perhatian, pembelaan dan sokongan agar dapat membesar dalam suasana yang penuh kasih sayang dan kesejahteraan.

Di samping itu, amalan bersedekah merupakan satu ibadah yang sangat dituntut dalam Islam kerana ia bukan sahaja membantu golongan yang memerlukan,

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kumpulan Pesara Guru

mendatangkan ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, program seperti ini bukan sahaja dapat membantu meringankan beban kehidupan anak-anak yatim, malah menjadi wadah untuk menyemai nilai kasih sayang, keprihatinan, perpaduan dan semangat saling membantu

dalam kalangan masyarakat.

Projek ini merupakan kali keenam sejak mula dilaksanakan pada tahun 2016, dan usaha kebajikan ini akan terus diadakan pada masa hadapan sebagai salah satu tanggungjawab sosial Kumpulan Pesara Guru dalam membantu golongan yang memerlukan.

دعاء مموهن كقد الله سقاي ترسلامة درقد بلاء دان سكل جنيس قياكيت

DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَتَحُنَا وَبِاللَّهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَخَصَّنَا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجَذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَى بِطُفْلِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

اية الكرسي

(صلوات تفرجية)

سَيِّدُ الْإِسْتِعْفَارِ

اَللّٰهُ لَا اِلٰهَ اِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّوْمُ لَا تَاْخُذُهٗ سِنَةٌ وَّلَا نَوْمٌ لَّهٗ مَا فِى السَّمٰوٰتِ وَمَا فِى الْاَرْضِ مَنْ ذَا الَّذِى يَشْفَعُ عِنْدَهٗ اِلَّا بِاِذْنِهٖ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ اَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَلَا يُحِيطُوْنَ بِشَيْءٍ مِّنْ عِلْمِهٖ اِلَّا بِمَا شَاءَ وَسِعَ كُرْسِيُّهٗ السَّمٰوٰتِ وَالْاَرْضَ وَلَا يَـُٔوْدُهٗ حِفْظُهُمَا وَهُوَ الْعَلِىُّ الْعَظِيْمُ ﴿٢٥٥﴾

Peringatan :

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

اَللّٰهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًا عَلٰى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِى تَنَحَّلَ بِهٖ الْعَقْدُ، وَتَنَفَّرَجَ بِهٖ الْكُرْبُ، وَتُقَضٰى بِهٖ الْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهٖ الرِّغَايِبُ وَحُسْنُ الْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقٰى الْعَمَامُ بِوَجْهِهٖ الْكَرِيْمِ، وَعَلٰى اٰلِهٖ وَصَحْبِهٖ فِى كُلِّ لَمَحَةٍ وَنَفْسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُوْمٍ لَّكَ.

Maksudnya :

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhapuslah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

Penerangannya :

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

اَللّٰهُمَّ اَنْتَ رَبِّىْ لَا اِلٰهَ اِلَّا اَنْتَ، خَلَقْتَنِيْ وَاَنَا عَبْدُكَ، وَاَنَا عَلٰى عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا اسْتَطَعْتُ، اَعُوْذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، اَبُوْءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَاَبُوْءُ بِذُنُوبِيْ، فَاَغْفِرْ لِيْ فَاِنَّهٗ لَا يَغْفِرُ الذُّنُوْبَ اِلَّا اَنْتَ.

Maksudnya :

"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".

Fadilatnya :

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

ذكر بچاءن یغ ممباوا کبراونتوغن ساعت بسر کقد قععملن (تولق بلاء)

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ اِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيْمِ (3)

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).

Penerangan :

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

اَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمِ (2)

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

Penerangan :

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakkannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

حَسْبُنَا اللهُ وَنِعْمَ الْوَكِيْلُ (1)

(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173. Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

يَا حَيُّ يَا قَيُّوْمُ، بِرَحْمَتِكَ اَسْتَغِيْثُ (5)

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).

Penerangan :

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapakan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinnya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

وَأُفَوِّضُ اَمْرِيْ اِلَى اللّٰهِ (4)


(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).

Penerangan :

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsa seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

PENSIJILAN 'BRUNEI PESTICIDE FREE' PERKUKUH KESELAMATAN MAKANAN TEMPATAN

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pertanian dan Agrimakanan



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri (KEPI), melalui Jabatan Pertanian dan Agrimakanan (JPAM) mengumumkan mengenai pelancaran Pensijilan Brunei Pesticide Free iaitu satu skim

jaminan kualiti negara yang bertujuan mengesahkan serta mempromosikan penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran tempatan yang ditanam tanpa penggunaan racun kimia.


Pensijilan ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memastikan standard keselamatan makanan yang tinggi, menyokong pembangunan pertanian yang mampan, serta meningkatkan keyakinan pengguna terhadap hasil tanaman tempatan.

Di bawah skim pensijilan ini, ladang dan tapak pengeluaran akan melalui penilaian yang menyeluruh, merangkumi amalan penanaman, pengurusan ladang, sistem pemantauan serta pengendalian lepas tuai. Hanya ladang yang memenuhi syarat yang ditetapkan akan diperakui dan layak menggunakan label rasmi 'Brunei Pesticide Free' pada produk mereka.

Pensijilan ini juga bertujuan bagi membuka peluang pasaran baharu kepada para peladang tempatan melalui peningkatan nilai komersial, penjenamaan nilai tambah serta daya saing yang lebih tinggi berbanding produk import.

Selain itu, pensijilan ini turut memberi manfaat kepada pengguna dengan menyediakan jaminan bahawa produk yang dipilih adalah bebas daripada penggunaan racun kimia, sekali gus menyumbang kepada pilihan pemakanan yang lebih selamat, sihat dan berkualiti. Pensijilan ini juga meningkatkan ketelusan rantaian bekalan serta memudahkan pengguna membuat pilihan yang lebih yakin terhadap hasil tempatan.

JPAM menggalakkan para peladang dan pengusaha untuk



memohon pensijilan ini dan bersama-sama menyumbang ke arah peningkatan standard serta kualiti sektor pertanian NBD.

Bersama ini dikongsikan logo rasmi pensijilan serta tatacara permohonan untuk rujukan.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut atau ingin mendapatkan borang permohonan pensijilan, para peladang dan pengusaha bolehlah menghubungi pihak jabatan melalui e-mel pesticide.free@agriculture.gov.bn.

Bengkel keibubapaan perkasa kemahiran komunikasi ibu bapa

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Afiah



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Persatuan Afiah baru-baru ini menganjurkan sebuah bengkel keibubapaan bertajuk 'Bila Anak Bersuara : Seni Komunikasi Ibu Bapa Efektif Di Era Moden' yang berlangsung di Centre Stage, Tingkat Bawah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Bengkel tersebut disertai oleh

25 peserta yang terdiri daripada ibu bapa, penjaga dan pendidik, berlangsung dalam suasana yang interaktif, terbuka dan penuh manfaat.

Bengkel berkenaan bertujuan meningkatkan kemahiran komunikasi ibu bapa agar lebih responsif, berempati dan efektif; memberi pendedahan tentang teknik komunikasi positif yang

menyokong perkembangan sahsiah anak; serta membantu ibu bapa memahami emosi dan bahasa komunikasi anak dalam konteks era digital.

Bengkel menampilkan Perunding Pendidikan dan Pengurus Besar Musleh Integrated Education Malaysia, Dr. Kamaliah Noordin sebagai penceramah jemputan.

Beliau berkongsi pandangan dan pengalaman dalam memahami emosi dan bahasa anak, di samping mengajar pendekatan seni komunikasi ibu bapa yang efektif dalam era kemodenan yang semakin mencabar.

Para peserta turut berpeluang menyertai aktiviti interaktif bertajuk 'Dialog Positif vs Dialog Negatif', yang membolehkan mereka mempraktikkan cara komunikasi berkesan serta berkongsi hasil perbincangan bersama penceramah.

Antara inti pati utama bengkel adalah untuk memahami bahasa emosi dan tingkah laku anak-anak mengikut peringkat umur, penguasaan teknik komunikasi yang mampu membina kepercayaan; di samping memahami perubahan komunikasi dalam era digital dan



PERSATUAN Afiah baru-baru ini menganjurkan sebuah bengkel keibubapaan bertajuk 'Bila Anak Bersuara : Seni Komunikasi Ibu Bapa Efektif Di Era Moden' yang berlangsung di Centre Stage, Tingkat Bawah, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (atas dan kiri).

media sosial serta memahami komunikasi menurut perspektif Islam.

Program tersebut dianjurkan bersempena Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2026 dan turut diserikan dengan mini pameran yang melibatkan penyertaan Persatuan Afiah, yang menyediakan maklumat serta sumber rujukan berkaitan

sokongan keluarga dan kesejahteraan masyarakat.

Program juga merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Persatuan Afiah dalam memperkasa institusi keluarga melalui pendekatan pendidikan, kesedaran dan sokongan komuniti, selaras dengan nilai masyarakat Brunei yang berteraskan Melayu Islam Beraja.

PILIH ISLAM SEBAGAI PEGANGAN HIDUP



PEGAWAI Perkembangan Uagama, Awang Muskrisman Safari bin Haji Awang Mustapa menyampaikan cenderahati kepada saudara baharu, Aliyah Amani Limg Bitt Jiun binti Abdullah dan anak lelakinya Muhammad Rizqi Aaron Limg Huan Yang bin Abdullah.

syahadah yang mengakui dan bersaksi bahawa 'Tiada Tuhan yang berhak disembah melainkan Allah dan Nabi Muhammad itu adalah pesuruh Allah'.

Setelah para pegawai PDI dan hadirin menyaksikan pengakuan Islam yang dilafazkan itu, majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban dan selanjutnya penyampaian cenderahati kepada saudara baharu yang disampaikan oleh Awang Muskrisman Safari.

Dalam temu bual bersama muafak yang diraikan, Aliyah Amani meluahkan rasa syukur kerana akhirnya diberi kekuatan untuk memilih Islam sebagai jalan hidup yang akan membimbingnya selepas ini. "Hati saya terbuka kepada Islam. Bagi saya, Islam itu sangat indah. Keindahan Islam lebih daripada apa yang pernah awda bayangkan," katanya dengan penuh rasa syukur.

Beliau turut berkongsi bahawa minat untuk mengenali Islam mula berputik hasil daripada pergaulan seharian bersama rakan-rakan beragama Islam yang sentiasa menunjukkan akhlak dan nilai murni dalam kehidupan.

"Saya mula tertarik untuk mengenali Islam melalui pengaruh persekitaran dan kawan-kawan yang beragama Islam. Saya juga mempunyai seorang sahabat yang sudah saya anggap seperti adik-beradik, dan beliau sendiri merupakan seorang muafak. Dari situ, saya semakin terdorong untuk mempelajari Islam dengan lebih mendalam sehingga akhirnya membuat keputusan untuk memeluk agama ini," jelas beliau. Beliau berharap dapat terus

KIULAP, Jumaat, 10 Julai. - Perjalanan mencari sinar hidayah membawa seorang wanita berbangsa Cina bersama anak lelakinya memilih Islam sebagai pegangan hidup apabila dengan penuh kerelaan melafazkan dua kalimah syahadah dalam satu Majlis Pengislaman yang berlangsung di kediaman Awang Haji Hadi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud di Kampung Kiulap, pagi tadi.

Majlis Pengislaman tersebut disempurnakan di hadapan pegawai daripada Bahagian Pengembangan Da'wah

(Pengislaman), Pusat Da'wah Islamiah (PDI).

Dayang Limg Bitt Jiun memilih nama Islam Aliyah Amani Limg Bitt Jiun binti Abdullah, manakala anak lelakinya berusia 4 tahun kini dikenali sebagai Muhammad Rizqi Aaron Limg Huan Yang bin Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dikepalai Pegawai Perkembangan Uagama, Awang Muskrisman Safari bin Haji Awang Mustapa yang juga membacakan Doa Selamat.

Majlis seterusnya menyaksikan lafaz kalimah dua kalimah



LAFAZ dua kalimah syahadah oleh saudara baharu.

Suntik semangat patriotisme, sifat perpaduan



Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Khamis, 9 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM), melalui Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat selaku Sekretariat bagi Jawatankuasa Kecil Penerangan (SCI) ASEAN-COCI meneruskan lagi Jerayawara Kenali ASEAN

untuk membarigakan serta memberikan pendedahan meluas mengenai maklumat asas berkaitan ASEAN kepada pelajar-pelajar sekolah menengah di negara ini, dengan berkunjung ke Sekolah St. Margaret's, Seria bertempat di Dewan Serbaguna sekolah berkenaan.

Turut hadir pada taklimat

berkenaan ialah Pengetua Sekolah tersebut, Awang Liew Yong Kim dan para tenaga pengajar sekolah tersebut.

Taklimat Kenali ASEAN disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail kepada 64 pelajar Tahun 7 yang mana taklimat antara lain untuk menanamkan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

mendalami ilmu agama, memperbaiki amalan serta membesarkan anaknya dengan berlandaskan ajaran Islam.

Sementara itu, statistik PDI menunjukkan bahawa sejak awal Januari hingga 8 Julai 2026, seramai 153 orang telah memeluk agama Islam di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 74 orang

merupakan saudara baharu yang dicatatkan bagi di Daerah Brunei dan Muara.

Pertambahan bilangan saudara baharu ini mencerminkan usaha berterusan PDI dalam menyebarkan syiar Islam, di samping memperkukuhkan sokongan masyarakat terhadap golongan muafak agar mereka

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Penyebab bagi: 1 dalam 10 kanser lelaki, 1 dalam 5 kanser wanita

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>



HADIR pada taklimat berkenaan ialah Pengetua Sekolah St. Margaret's, Seria, Awang Liew Yong Kim dan para tenaga pengajar sekolah tersebut (kiri), manakala gambar atas, Taklimat Kenali ASEAN telah disampaikan oleh Ketua Meja Hal Ehwal Antarabangsa, Unit Perhubungan Korporat, Bahagian Media dan Komunikasi Korporat, Jabatan Penerangan, Awang Eddy Iswandy bin Haji Ismail.

kesedaran di kalangan para pelajar sekolah sebagai sebahagian daripada masyarakat ASEAN, selaras dengan Moto ASEAN : Satu Visi, Satu Identiti, Satu Komuniti (One Vision, One Identity, One Community).

Para pelajar juga berkesempatan untuk mengikuti sesi Kuiz Kenali ASEAN dan penyampaian hadiah disempurnakan oleh Awang Simon Lu, Timbalan Pengetua sekolah berkenaan.

Dalam hasrat untuk membarigakan mengenai ASEAN

ia juga usaha berterusan untuk menyuntik semangat patriotisme dan sifat perpaduan (ASEAN-ness) dalam kalangan pelajar-pelajar untuk menghayati fungsi dan tujuan ASEAN ditubuhkan.

Dalam masa yang sama juga dapat mengukuhkan hubungan antara Jabatan Penerangan dengan masyarakat khususnya para pelajar yang bakal mewarisi kesinambungan bangsa dan seterusnya memainkan peranan penting dalam memangkin hala tuju negara satu masa nanti.

JERAYAWARA PROFESION PERAKAUNAN DEDAH PELUANG KERJAYA KEPADA PELAJAR



SEKITAR Jerayawara Profesion Perakaunan bertempat di Lecture Theatre Trustworthy, Pusat Tingkatan Enam Tutong (atas dan kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan

TUTONG, Rabu, 8 Julai. - Kementerian Kewangan (KKW) dengan kerjasama Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants (BICPA) telah mengadakan Jerayawara Profesion Perakaunan bertempat di Lecture Theatre Trustworthy, Pusat Tingkatan Enam Tutong.

Jerayawara tersebut disasarkan kepada para pelajar di institusi berkenaan, dengan tujuan untuk memberi pendedahan awal mengenai profesion perakaunan serta mendorong dan memberi inspirasi kepada pelajar untuk mula merancang laluan akademik mereka menjurus kepada kerjaya dalam bidang perakaunan setelah tamat pengajian.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah di Bahagian Hasil, KKW, Dayangku Masleha binti Pengiran Daud, menekankan kepentingan untuk melahirkan lebih ramai profesional dalam bidang perakaunan seperti juruaudit dan juga akauntan yang berkelayakan bagi memenuhi

permintaan perkhidmatan mereka yang semakin meningkat.

Beliau menyatakan bahawa mempunyai kapasiti audit yang mencukupi akan memastikan pengauditan, pematuhan dan juga pengawasan cukai yang berkesan.

Beliau turut menjelaskan bahawa dengan menjalankan tugas mereka dengan tekun dan beretika, akauntan dapat memastikan rekod kewangan yang jelas dan jujur untuk membantu individu dan perniagaan dalam membuat pilihan yang baik dan merancang untuk masa depan serta seterusnya berharap akan ada lebih ramai Akauntan Bertauliah di masa akan datang bagi menyokong ekonomi dan membantu negara mencapai Wawasan Brunei 2035.

Program tersebut menampilkan sesi perkongsian oleh Pengarah BICPA Academy, Dayang Adeline Lau Pik Wen, mengenai pengalaman dan perjalanan profesional beliau dalam bidang

perakaunan, kepentingan memperoleh kelayakan profesional yang diperakui seperti Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) dan laluan untuk mendapat kelayakan berkenaan serta peluang kerjaya yang pelbagai dalam perakaunan, seperti juruaudit, penasihat cukai, penganalisa kewangan dan pakar runding.

Di samping itu, para pelajar dan pensyarah turut menyertai aktiviti interaktif yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman tentang bidang perakaunan setelah selesai sesi soal jawab yang memberi peluang ruang interaksi dan penjelasan lanjut mengenai topik yang dibincangkan.

Inisiatif tersebut adalah sebahagian daripada usaha berterusan KKW dan BICPA untuk mempromosi profesion perakaunan serta menyokong pembangunan bakat masa depan dalam sektor kewangan dan perkhidmatan perakaunan profesional di Negara Brunei Darussalam.



KETUA Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud hadir selaku tetamu khas majlis (atas), manakala gambar kanan, seramai 35 murid Darjah VI berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pengajian Islam

SERUSOP, Rabu, 8 Julai. - Sekolah Ugama Orang Kaya Besar Imas, Subok, hari ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 35 murid Darjah VI yang berjaya mengkhataamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.

Daripada jumlah tersebut, 16 orang merupakan murid lelaki manakala 19 orang ialah murid perempuan.

Majlis diadakan di Dewan

Serbaguna Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Muta-Wakkilah Hayatul Bolkliah, Serusop.

Penganjuran majlis berkenaan bertujuan memberikan penghargaan dan pengiktirafan kepada para murid yang telah berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran setelah mengikuti pembelajaran di peringkat sekolah ugama.

Hadir selaku tetamu khas majlis

35 murid Darjah VI dirai pada Majlis Khatam Al-Quran



ialah Ketua Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Perkembangan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Muhamad Dahrin bin Daud.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam, seterusnya bacaan Takhtim.

Majlis diteruskan dengan

bacaan Doa Khatam Al-Quran yang dibacakan oleh Awang Muhammad Afiq Aryan bin Kamarussalihin.

Majlis seterusnya menyaksikan penyampaian Sijil Khatam Al-Quran serta acara merenjis minyak wangi kepada para peserta yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis dengan diiringi oleh persembahan dikir oleh murid Darjah IV dan V.

Acara kemudiannya diakhiri dengan bacaan Doa Selamat. Penganjuran Majlis Khatam

Al-Quran di sekolah-sekolah ugama seluruh negara adalah selaras dengan usaha berterusan kerajaan dalam melahirkan generasi yang celik Al-Quran serta menjadikan pembacaannya sebagai amalan dalam kehidupan seharian.

Selain itu, majlis seumpama ini turut mencerminkan komitmen JPI, KHEU dalam memperkukuh syiar Islam, di samping memupuk kecintaan terhadap Al-Quran dalam kalangan generasi muda di negara ini.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan
Sebut Harga**

Bilangan Sebut Harga:
15 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Barang Kamera Dan Peralatan Video Bagi Kegunaan Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Muzium-Muzium

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
14 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027)

Sebut Harga Bagi Installation Of New Carpet At Zone C On Usungan Jubli Perak Area, Muzium Alat Kebesaran Diraja, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Khamis
30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
13 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) – R

Sebut Harga Bagi Pembekalan Tudung Secara Kontrak Penggal Selama 3 Tahun Bagi Atendan Dewan Perempuan, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
12 / JMM / S / 12 / 91
(2026 / 2027) - R

Sebut Harga Bagi Pembekalan Pakaian Seragam Secara Kontrak Penggal Selama 3 Tahun Bagi Atendan Dewan, Jabatan Muzium-Muzium, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 30 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Iklan Tawaran
Rancangan Pemakanan
Sekolah Arab Dan Asrama
(Bahagian Penyajian
Makanan Dan Minuman
Secara Berhidang Dan
Bertapau)
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama**

Keterangan Tawaran:
KHEU / JPI / PMM / SA TEMB /
07
Sekolah Arab Temburong,
Daerah Temburong

Bayaran Dokumen:
BND 30.00
(Bayaran Dokumen
tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
27 Safar 1448H /
11 Ogos 2026M
Sebelum jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III

Kategori :
KA03 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 13 / CQS / 2026-T / II

Nama Projek:
Blok Baru Penjara Maraburong
Fasa Empat – Additional
Sewerage Works

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
21 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Ogos 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III

Kategori :
P06 - Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 12 / CQS / 2026-T / II

Nama Projek:
Renovation Of
Crop Protection And Soil Science
And Plant Nutrient Laboratory
For ISO/IEC 17205 Accreditation
– Loose Furniture

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
4 Ogos 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
18 Ogos 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar
Dengan Kementerian
Pembangunan Di Dalam**

Kelas :
II & III

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 11 / BKTGS / 2026-T / II

Nama Projek:
Kerja-Kerja Membaikpulih J-Drain
Dan Cerun (Slope) Di Kawasan
Luar Pagar, Jabatan Penyelidikan
Brunei

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
21 Julai 2026

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
4 Ogos 2026,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang



**Dibukakan Kepada
Pemborong-pemborong Yang
Berdaftar Di Dalam**

Kelas:
V & VI Sahaja

Kategori:
KA01

**Tarikh Mengambil
Dokumen Tawaran:**
24 Jun 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa
24 Jun 2026
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

Bilangan:
JKR / DOR / SRM 24 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Jalan
Raya Menuju Kediaman Duli
Pengiran Muda Al-Muhtadee
Billah (QAM), Assarraa

Yuran Tawaran :
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

E-Dokumen :
Tidak Ada



**RADIO TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga :**
RTB / K / 60 / 26-27
Mereka Bentuk Dan Mencetak
Kalendar Meja RTB 2027

**Bayaran Yuran
(termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas
(Hardcopy) :**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Rabu,
22 Julai 2026,
jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin

DA / JKSH / 57 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Penapar Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND36.00 Sebulan

DA / JKSH / 58 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Panchor Murai Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND40.00 Sebulan

DA / JKSH / 59 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Kasat Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND67.00 Sebulan

DA / JKSH / 60 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND320.00 Sebulan

DA / JKSH / 61 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sungai Siamas Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND99.00 Sebulan

DA / JKSH / 62 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Tanjong Kindana, Sungai Bunga Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND30.00 Sebulan

DA / JKSH / 63 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sayyidina Abu Bakar, Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND747.00 Sebulan

DA / JKSH / 64 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan

Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Mulaut Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND225.00 Sebulan

DA / JKSH / 65 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Daerah Tutong
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun [Kantin Bahagian Blok 'B']

Harga Sewa Kantin:
BND563.00 Sebulan

DA / JKSH / 66 / 2026 / 2027
[BPPA-JULAI-2026]
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Pusat Tingkatan Enam Belait Daerah Belait
Kementerian Pendidikan Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

Harga Sewa Kantin:
BND518.00 Sebulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
18 Julai 2026
Jam 9.00 Pagi

Syarat Khas
Dibukakan khas bagi Warganegara dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, pemilik syarikat / premis syarikat hendaklah beralamat (mengikut Sijil Perniagaan 16/17) di tempat kantin berkenaan bertapak. Sebagai contoh, hanya pemilik syarikat / premis syarikat yang beralamat di Daerah Brunei Muara yang dapat dipertimbangkan untuk mengendalikan kantin di sekolah-sekolah yang bertapak di Daerah Brunei Muara.

JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN
DAN INDUSTRIPemberitahuan
Sebut Harga

Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang pada Khamis, 6 Ogos 2026.

Borang Sebut Harga:
BND7.00

JPt / SH / 41 / 2026-2027
To Perform Quarterly Calibration Of Hot Air Oven In The Scope Of ISO/IEC 17025 Accreditation At Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 42 / 2026-2027
To Supply and Deliver Media And Kits For Bacterial Identification For Determination Of Animal Diseases

JPt / SH / 43 / 2026-2027
Membekal, Menghantar, Memasang Dan Menguji Biosafety Cabinet Untuk Makmal Mikrobiologi

JPt / SH / 44 / 2026-2027
Coordination Of Routine Maintenance And Restorative Works For Equipments In Veterinary Laboratory Services

JPt / SH / 45 / 2026-2027
Preventive Maintenance For CCTV, Access Control And Network Hardware Equipment System At Veterinary Laboratory Building, KKP Terunjing For One (1) Year Period

JPt / SH / 46 / 2026-2027
Replacement Of Damaged Existing Culverts At KKP Bebuloh

JPt / SH / 47 / 2026-2027
Supply And Delivery Of Custom Minimum Inhibitory Concentration Plates And Supplementary Consumables For AMR Surveillance



Pemberitahuan Tawaran

JPt / TAW / 05 / 2026-2027:
Pemeliharaan Saliran Ladang Bagi Kawasan Kemajuan Pertanian Di Daerah Tutong Bagi Tempoh Dua (2) Tahun.

Yuran Tawaran:
BND30.00

Borang Tawaran:
BND15.00

Tidak lewat dari jam 2.00 Petang, Selasa, 11 Ogos 2026.

JABATAN TANAH
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
6 / 2026-2027
Supply And Delivery Of 28 Units Of Fabric-Typed Chair With Twin Wheel Castor For Pejabat Tanah Daerah Tutong, Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Tarikh Tutup:
Selasa
14 Julai 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERIBilangan dan Tajuk
Sebut Harga:

MFA / SEC / 010 / 2026
To Supply, Delivery, Installation, Commissioning, Testing & Training Three Sets Of Automated External Defibrillator (AED) For Ministry Of Foreign Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
22 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



Jabatan Pertubuhan-Pertubuhan Antarabangsa Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Jawatan-Jawatan Kosong Di Islamic University Of Technology (IUT) Dhaka, Republik Rakyat Bangladesh

Jawatan

1. Assistant Professor, Department of Technical and Vocational Education (TVE)
2. Assistant Professor, Department of Mechanical and Production Engineering (MPE)
3. Assistant Professor, Department of Computer Science and Engineering (CSE)

Tarikh Tutup:
Jumaat
31 Julai 2026

Untuk makluman, pemohon-pemohon yang berminat hendaklah menghadapkan terus permohonan, curriculum vitae serta maklumat berkaitan melalui pautan:
<https://www.iutoic-dhaka.edu/circular>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Defence Academy, Kg. Tanah Jambu And Associated Works

Kelas:
III Ke Atas

Kategori:
M01 or E01 or E02 or KA01 or KPB04

Tempoh Penyediaan Kerja:
Empat (4) Bulan

Yuran Tawaran:
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 11 Ogos 2026

Rujukan Bilangan Dan Tajuk Tawaran :
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU / TA / AP / 001 (JPPK / LTK / 08 / 2025)
Replacement Of Chiller No.1 Include Supply, Delivery, Install, Testing And Commissioning At





**KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA**

**Bahagian Teknologi Maklumat
Kementerian Hal Ehwal Ugama
Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
01 / KHEU / BTM / 2 / RFP / 2026
The Supply, Delivery, Installation,
Setup, Configuration,
Testing And Maintenance Of
Network Infrastructure At
Bangunan Darul Huda,
Pusat Da'wah Islamiah

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
22 Julai 2026,
2.00 Petang



**NOTIS
REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)
TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN A LAYBY
DEVELOPMENT ON GOVERNMENT LAND AT KG IKAS, MUKIM KERIAM**

RUJUKAN: KPN / DIL / RFP (01/2026)

**BAYARAN YURAN TAWARAN / PEMBELIAN DOKUMEN RFP secara online :
BND1,000 (Tidak dikembalikan)**

Kementerian Pembangunan menjemput pihak yang berminat untuk menghadapkan RFP mengenai perkara di atas.

Pihak yang berminat untuk membuat pembelian dokumen RFP adalah dikehendaki terlebih dahulu untuk menghantar e-mel kepada alamat e-mel : hasil.kewangan@mod.gov.bn. Keterangan dan maklumat terkini yang diperlukan seperti berikut:

- Salinan Sijil Perakuan Pendaftaran (Seksyen 16 dan Seksyen 17)/Form X
- Alamat penuh syarikat
- Alamat e-mel syarikat yang aktif
- No. handfon syarikat yang aktif

- Tarikh penerimaan dokumen RFP **mula: 23 Mei 2026 (Sabtu)**
- Hari perkongsian maklumat RFP:
Tarikh: **30 Jun 2026 (Selasa)**
Tempat: **Bilik Mesyuarat Jong Sarat, Tingkat 2, Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas**
Jam: **2.30 – 3.30 petang**
- Maklumat lanjut dan sebarang pertanyaan, sila hubungi Urusetia Jawatankuasa Pemantauan Program GLL melalui alamat e-mel: eo1.dil@mod.gov.bn
- Tarikh RFP tutup: **1 September 2026 (Selasa) Jam 2.00 petang**

Dokumen RFP yang lengkap hendaklah dihantar kepada **Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pembangunan, Tingkat bawah, Bangunan Kementerian Pembangunan, Jalan Pembangunan, Berakas, Bandar Seri Begawan, BS3510** disimpan dalam sampul surat tertutup dengan tajuk: **REQUEST FOR PROPOSAL TO DESIGN, BUILD, FINANCE, OPERATE AND MAINTAIN A LAYBY DEVELOPMENT ON GOVERNMENT LAND AT KAMPUNG IKAS, MUKIM KERIAM**

Dokumen RFP yang diterima lewat daripada tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / TRA / 119 / 2025
Supply Replacement Engineering
Testing And Commissioning Of
Transmission Protection Relays
At Lambak Kanan Substation

Tarikh Tutup:
Selasa, 21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERANCANGAN
EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN**

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPES / FIN / 6 / SH.UMUM / 03
Mencetak Dokumen-Dokumen
Bagi Kegunaan Kajian Tenaga
Kerja (KTK) 2026

Tarikh Tutup:



Tender Fee:
BN30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913,
Negara Brunei Darussalam



**Khamis, 16 Julai 2026,
Jam 9.00 Pagi**

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

**MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN**

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim iklan akan ditolak.

1. Lengkapkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)
2. Lengkapkan Kelulusan (Depositi / pengikutan surat sokong / bidang kelulusan)
3. Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (Sila upload dan pengikutan Pajin Kelulusan Pengikutan Kelulusan (PJKP) yang berkenaan)
4. Tandakan "X" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"
5. Lengkapkan Maklumat (Sila muat / pengikutan / Paper/Isian Perkhidmatan Awam / Isian-bekalan / Isian profesional dan lain-lain yang dipertanyakan di dalam skim iklan)

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN	URUS SETIA PENGAMBILAN	KEKOSONGAN	JENIS IKLAN	TARIKH TUTUP PERMOHONAN
1. PENYEMAK KANAN PENERBITAN FATWA JABATAN MUFTI KERAJAAN JABATAN PERDANA MENTERI C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/01/JPM	JABATAN PERDANA MENTERI	01	7(A)	15 JULAI 2026
2. PEMBANTU TEKNIK PEJABAT PENERBANGAN KDYM KEMENTERIAN KEWANGAN D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2026/JUL/01/KKW	KEMENTERIAN KEWANGAN	03	7(A)	15 JULAI 2026
3. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II (TEACHER FOR THE HEARING IMPAIRED) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/02/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B) JKK-MOH	15 JULAI 2026
4. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II (NUTRITION / CLINICAL DIETETICS) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	38(B) JKK-MOH	15 JULAI 2026
5. PENOLONG PENGARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA, KEMENTERIAN PERTAHANAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2026/JUL/01/KPTH	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM	01	38(A)	18 JULAI 2026
6. KETUA PEMERIKSA TANAH JABATAN TANAH, KEMENTERIAN PEMBANGUNAN C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/01/KPBG	KEMENTERIAN PEMBANGUNAN	04	38(B)	18 JULAI 2026
7. PENGAWET KANAN JABATAN MUZIUM-MUZIAM, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN C.2-3 EB.4 (BAHAGIAN III) 2026/JUL/01/KKBS	KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN	01	7(A)	18 JULAI 2026
8. TUKANG SUNTIK KEMENTERIAN KESIHATAN F.2-3-4-5 EB.6 (BAHAGIAN V) 2026/JUL/03/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	01	7(A)	18 JULAI 2026
9. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU KANAN GRED II (LABORATORY MEDICINE) JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL, KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 EB.16 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/04/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	38(B) JKK-MOH	18 JULAI 2026
10. PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU (RADIOGRAPHY) JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2026/JUL/05/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	03	7(A) JKK-MOH	18 JULAI 2026

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN


**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**
Kenyataan Sebut Harga
**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

10 / 2026 / 2027

Pembekalan Dan Penghantaran
Bagi A3 Colour Laserjet Printer
Bagi Jabatan Perancang Bandar
Dan Desa, Kementerian
Pembangunan Negara Brunei
Darussalam

**Tarikh Tutup dan Tempat
Penghantaran:**

Khamis,
30 Julai 2026,
sebelum jam 2.00 Petang

**Yuran Sebut harga
(E-Dokumen):**
BND5.00
(Tidak dikembalikan)


**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**
**08 / BBS / SH / BKA / 2026 -
2027**

Anti-Termite Works To
Government Resthouse At Jalan
Maulana, Kuala Belait

Dibukakan kepada
pemborong-pemborong yang
berdaftar dengan
Kementerian Pembangunan
Negara Brunei Darussalam
(Kelas I dan II, Kategori KPB05)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
21 Julai 2026 (Selasa)


**PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI**
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

PPN / ASSET / BUJMM /
CONTRACT / 2026 / 7 / 1
Provision Of Security Guard
Services For Law And
Court Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak
Saleha, Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**
Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

MFA / DPP / 01 / 2026
Supply And Delivery
Helicopter Underslung
With Load Equipment :-
a) Strop (Husle Lifting, Single Leg
6m 460) - 2 Units
b) Cargo Net (Net - Husle, SWL
4536 Kg (10000LB) - 3 Units
c) Cargo Net (Net - Husle, SWL
2268 Kg (5000LB) - 3 Units

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 21 Julai 2026
Jam 2.00 Petang


**JABATAN KASTAM DAN
EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

Rujukan Tawaran:
JKED / TAWARAN / UPDP /
BHEK / Q / 2026 - 09
Perkhidmatan Penyewaan
Mesin Fotokopi Bagi Kegunaan
Jabatan Kastam dan Eksais
Diraja,


**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**
1. Bilangan Tawaran:

(49) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Supply and Installation of
Window Frosted Stickers & Tinted
at Youth Hub, Stadium Negara
Hassanal Bolkiah

2. Bilangan Tawaran:

(50) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Berakas
Sports Complex

3. Bilangan Tawaran:

(51) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

General Building Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for Youth
Centre, BSB

4. Bilangan Tawaran:

(52) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months for
Jerudong Sports Complex

5. Bilangan Tawaran:

(53) JBS / ADM / QC / 2026

Keterangan:

Mechanical and Electrical Term
Maintenance for a Period of
Thirty-Six (36) Months For:
1. Mumong Sports Complex
and Swimming Pool
2. Arena Field, Seria
3. Youth and Sports Office,
Kuala Belait
4. Youth Centre, Kuala Belait
5. Bangunan
Persatuan-Persatuan Belia, Kuala
Belait
6. Berek Lorong 3, Seria

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup:
23 Julai 2026


**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**
Bilangan Tawaran:

14 / DBP / SH / 2026 - 2027

Tajuk Tawaran:

Term Contract For Maintenance
Grass Cutting And Landscaping
To:

1. Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Belait
2. Dewan Bahasa dan Pustaka
Seria
3. Dewan Bahasa dan Pustaka
Kg. Pandan
4. Dewan Bahasa dan Pustaka
Tutong

For The Periods Of 24 Months,
Department Of Dewan Bahasa
dan Pustaka Brunei

Tarikh Tutup Sebut Harga:
23 Julai 2026


**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**
Tawaran

Replacement Of Existing
Suspended Ceiling To New PVC
Ceiling Panel At Departure Area,
Terminal Building
AME / 2026 - 2027 / SH - 30
(kelas II atau ke atas)

**Tarikh Iklan / Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
8 Julai 2026, Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
21 Julai 2026, Selasa tidak
lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
22 Julai 2026, Rabu



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI

IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**

Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

PASTIKAN PERATURAN KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA DIPATUHI



Siaran Akhbar dan Foto : Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar

TINDAKAN penguatkuasaan diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di Jalan Muara, Kampung Delima Satu, baru-baru ini.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) mengumumkan bahawa tindakan penguatkuasaan telah diambil berikutan satu pemeriksaan yang dijalankan di sebuah sekolah yang terletak di Jalan Muara, Kampung Delima Satu, baru-baru ini.

Tindakan penguatkuasaan tersebut adalah berkaitan dengan kegagalan untuk mematuhi Peraturan 4, Penyediaan Peti Pertolongan Cemas di bawah Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pertolongan Cemas). Sehubungan itu, satu denda kompaun berjumlah BND500 telah dikenakan.

Susulan daripada pemeriksaan tersebut, pihak yang bertanggungjawab ke atas premis berkenaan telah mengambil langkah-langkah pembetulan yang perlu bagi menangani ketidakpatuhan yang dikenal pasti. SHENA menegaskan dan

menyarankan semua pihak bahawa pematuan terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277 serta peraturan-peraturan subsidiarinya adalah diwajibkan pada setiap masa. Mana-mana *occupier* yang bertanggungjawab ke atas premis yang gagal mematuhi Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja (Pertolongan Cemas) adalah melakukan suatu kesalahan dan, jika disabitkan, boleh dikenakan denda tidak melebihi BND5,000.

SHENA akan terus menjalankan pemeriksaan dan mengambil tindakan penguatkuasaan yang sesuai mengikut peruntukan undang-undang bagi melindungi pekerja, orang awam dan alam sekitar.

Zahir rasa syukur menerima taraf kerakyatan NBD

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Khamis, 9 Julai. - Penerimaan Sijil Taraf Kerakyatan Negara Brunei Darussalam (NBD) merupakan detik penuh bermakna bagi penerima-penerima sijil atas pengurniaan taraf sebagai rakyat di negara ini. Majlis Penyampaian Sijil Taraf Kerakyatan Kali Ke-45 tersebut berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas, petang tadi.

Para penerima yang ditemui pada majlis tersebut menzahirkan rasa penuh kesyukuran serta menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan tersebut.

Bagi Awang Abdul Hafiz Husaini bin Radat dari Kampung Junjongan, penerimaan sijil

AWANG Abdul Hafiz Husaini bin Radat dari Kampung Junjongan.

pengiktirafan tersebut menyifatkan sebagai permulaan yang baharu dalam kehidupannya sebagai rakyat NBD.

"Alhamdulillah, pengiktirafan ini sangat bermakna dalam kehidupan saya. Pengiktirafan kerakyatan ini menyuntik semangat saya untuk terus berbakti kepada masyarakat dan menyumbang kepada NBD," ujarnya.

Sementara itu, Dayang Mazshirayana binti Razali dari Kampung Sungai Matan juga menzahirkan rasa kesyukuran atas penerimaan taraf kerakyatan kerana kini beliau secara rasmi menjadi sebahagian daripada rakyat di NBD.

"Saya berasa amat bangga dan bersyukur atas penyampaian sijil pengiktirafan tersebut dan saya berharap menjadi rakyat yang bertanggungjawab dan mematuhi undang-undang negara," ujarnya.

Menurut beliau lagi, sebagai rakyat NBD, beliau berazam untuk



IBU kepada Dayang Amal Faezah Wedad binti Dato Paduka Haji Junaidi dan Dayang Mazshirayana binti Razali dari Kampung Sungai Matan (kiri sekali dan kiri).



menjaga nama baik negara serta terus memberikan sumbangan dalam pembangunan masyarakat.

Manakala ibu kepada Dayang Amal Faezah Wedad binti Dato Paduka Haji Junaidi, juga salah seorang penerima sijil pengiktirafan, menzahirkan rasa syukur dan setinggi-tinggi penghargaan atas pengiktirafan ini kerana ia memberi makna yang berharga buat keluarga dan anak-anak beliau.

"Menjunjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas limpah kurnia perkenan ini. Pengiktirafan ini sangat bermakna untuk keluarga dan anak-anak kami menjadi rakyat NBD dan dapat menjamin masa depan yang cerah," jelasnya.

Penyampaian sijil berkenaan bukan sahaja melambangkan pengiktirafan rasmi sebagai warganegara NBD, malah turut membawa amanah serta tanggungjawab untuk sentiasa menjunjung tinggi Perlembagaan NBD, mematuhi undang-undang, memelihara keamanan dan keharmonian serta menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Khatam Al-Quran raikan 51 murid Darjah VI SU Dato Othman

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BERAKAS, Khamis, 9 Julai. - Dalam usaha menyemarakkan budaya membaca Al-Quran serta melahirkan generasi celik Al-Quran yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, amalan membaca Al-Quran diterapkan kepada murid-murid sejak awal persekolahan agama sehingga mereka berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran pada peringkat Darjah VI dan seterusnya diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran.

Sehubungan itu, Sekolah Agama Dato Othman, Lambak Kiri, petang tadi, telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan seramai 51 murid Darjah VI yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran, terdiri daripada 28 murid lelaki dan 23 murid perempuan.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis yang berlangsung di dewan sekolah berkenaan ialah Ketua Unit Institusi Khas, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Dayang Hajah Salmaya binti Haji Asmat.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu khas majlis, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam. Acara kemudiannya diteruskan dengan bacaan Takhtim, diikuti dengan bacaan Doa Khatam oleh Awang Mohamad Syahir Zakwan bin Mohamad Sumardi.

Seterusnya, penyampaian sijil kepada para peserta khatam disempurnakan oleh tetamu khas majlis. Acara turut diserikan dengan persembahan Dikir Asyraqal sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Selamat yang dipimpin oleh tenaga pengajar, Awang Md. Eizza bin Haji Suhaile.

Penganjuran Majlis Khatam Al-Quran di sekolah-sekolah agama merupakan antara usaha berterusan dalam membudayakan pembacaan dan penghayatan Al-Quran dalam kalangan murid, selaras dengan aspirasi Negara Zikir.

Majlis seumpama ini turut mencerminkan komitmen JPI, KHEU dalam memartabatkan syiar Islam serta melahirkan generasi yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia.



KETUA Unit Institusi Khas, Bahagian Pelajaran Lanjutan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Hajah Salmaya binti Haji Asmat menyampaikan sijil kepada para peserta khatam.

TAKLIMAT KENEGARAAN SUNTIK SEMANGAT PATRIOTIK



PROGRAM Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim (atas kanan), manakala gambar atas, seramai 373 penuntut menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di dewan sekolah berkenaan.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengadakan Program Taklimat Kenegaraan bertempat di IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal.

Seramai 373 penuntut menghadiri taklimat tersebut yang diadakan di dewan sekolah

berkenaan.

Pengisian Program Taklimat Kenegaraan disampaikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan, Bahagian Komunikasi Strategik, Jabatan Penerangan, Dayang Mufidah binti Abdul Hakim antara lain menyentuh mengenai dengan peranan dan tanggungjawab sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Tujuan Program Taklimat Kenegaraan ini diadakan adalah untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara di samping menyuntik semangat patriotisme dalam diri para penuntut melalui taklimat yang disampaikan. Selain itu, ia juga dihasratkan bagi mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 dan inisiatif dalam Dasar Belia Negara serta Strategi 2020-2035.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN Fikir sebelum beli

"Boleh percaya kan tu?"

"Mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"Ok kan tu? Selamat kah jual bali cemani ani?"

"lawah? Banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Akta Perlindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



Pilates, membantu memperbaiki postur tubuh

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Dayangku Hajah Naqayatul Akma Pengiran Haji Ali

DALAM era moden yang serba canggih dan pantas, kesedaran masyarakat terhadap kepentingan menjaga kesihatan semakin meningkat. Jika suatu ketika dahulu aktiviti kecergasan lebih sinonim dengan senaman berintensiti tinggi seperti larian, angkat berat atau aerobik, kini semakin ramai memilih pendekatan yang lebih seimbang. Salah satu bentuk senaman yang semakin mendapat perhatian ialah Pilates, iaitu kaedah latihan yang menumpukan kepada keseimbangan tubuh, kekuatan otot teras (*core muscle strength*), fleksibiliti, kawalan pergerakan dan kesihatan mental.

Pilates bukan sahaja membantu memperbaiki postur tubuh, malah memudahkan pelaksanaan pergerakan asas dalam kehidupan seharian seperti bangun dari katil, mendukung anak serta mengurangkan risiko sakit belakang akibat terlalu lama duduk. Keunikan Pilates terletak pada penekanannya terhadap pengukuhan otot teras yang merangkumi bahagian abdomen, belakang dan pelvis. Otot-otot ini memainkan peranan penting dalam menyokong postur tubuh, mengekalkan keseimbangan pergerakan serta mengurangkan risiko kecederaan. Oleh itu, individu yang mengamalkan Pilates secara konsisten lazimnya menikmati postur tubuh yang lebih baik, keseimbangan yang lebih stabil serta pergerakan yang lebih lancar ketika menjalani aktiviti harian.

Selain manfaat fizikal, Pilates turut memberi kesan positif terhadap kesejahteraan mental. Setiap sesi latihan memerlukan peserta memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap teknik pernafasan dan setiap pergerakan yang dilakukan.

Keadaan ini membantu mengurangkan tekanan, meningkatkan ketenangan fikiran serta memberi ruang kepada individu untuk merehatkan minda daripada kesibukan rutin harian. Justeru, Pilates sering dianggap sebagai gabungan latihan fizikal dan latihan minda yang saling melengkapi.

Peningkatan populariti Pilates turut dipengaruhi oleh perkembangan media sosial. Pelbagai perkongsian mengenai rutin latihan, pengalaman individu serta testimoni tentang manfaat Pilates telah menarik minat masyarakat untuk mencubanya.

Dalam kalangan pekerja pejabat, Pilates menjadi pilihan kerana mampu membantu mengatasi masalah sakit belakang, ketegangan bahu dan leher akibat terlalu lama duduk di hadapan komputer. Melalui latihan yang menumpukan kepada postur tubuh dan penguatan otot teras, individu dapat memperbaiki kedudukan badan sekali gus mengurangkan ketidakselesaan yang sering dialami ketika bekerja.

Walaupun Pilates sering dikaitkan dengan wanita, hakikatnya senaman ini sesuai untuk diamalkan oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira jantina mahupun peringkat umur. Lelaki juga semakin menyedari manfaat Pilates dalam meningkatkan kekuatan otot, fleksibiliti badan serta keseimbangan fizikal yang mampu menyokong prestasi dalam pelbagai aktiviti sukan dan pekerjaan.

Namun demikian, seperti mana-mana bentuk senaman lainnya, Pilates perlu dilakukan mengikut teknik yang betul. Individu yang baharu berjinak-jinak dengan aktiviti ini disarankan mendapatkan bimbingan daripada jurulatih yang berkelayakan bagi

memastikan setiap pergerakan dilakukan dengan tepat, sekali gus mengelakkan risiko kecederaan. Mereka yang mempunyai masalah kesihatan tertentu juga digalakkan mendapatkan nasihat daripada pegawai perubatan sebelum memulakan program latihan.

Trend Pilates juga mencerminkan perubahan dalam cara masyarakat melihat kecergasan. Kini, matlamat bersenam bukan lagi semata-mata untuk mendapatkan bentuk tubuh yang ideal, sebaliknya lebih menjurus kepada usaha membina kesihatan yang menyeluruh. Pendekatan ini sejajar dengan konsep kesejahteraan yang menitikberatkan keseimbangan antara kesihatan fizikal, mental dan emosi.

Di Negara Brunei Darussalam, kesedaran terhadap amalan gaya hidup sihat dan aktif turut menunjukkan perkembangan yang positif. Semakin ramai individu menyertai kelas kecergasan termasuk Pilates sebagai sebahagian daripada rutin mingguan mereka. Perkembangan ini mencerminkan komitmen masyarakat dalam mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat,

di samping menyokong aspirasi negara untuk melahirkan rakyat yang cergas, produktif dan berkualiti. Walau bagaimanapun, masyarakat perlu bijak menilai trend yang tular di media sosial. Pilates bukan sekadar mengikuti arus atau menghasilkan kandungan menarik untuk dikongsikan di platform digital, sebaliknya perlu diamalkan secara konsisten dengan matlamat meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan diri. Kesabaran, disiplin dan komitmen merupakan antara faktor utama untuk memperoleh manfaat sebenar daripada amalan tersebut.

Kesimpulannya, Pilates merupakan satu bentuk senaman yang menawarkan pelbagai manfaat kepada kesihatan fizikal dan mental. Dengan pendekatan yang menekankan keseimbangan, kawalan pergerakan dan teknik pernafasan yang betul, Pilates mampu membantu individu menjalani kehidupan yang lebih sihat, aktif dan berkualiti. Lebih penting lagi, masyarakat hendaklah menjadikan amalan bersenam sebagai satu budaya hidup yang berterusan dan bukannya sekadar mengikut trend semasa.



Khidmat masyarakat : Tonggak pembangunan ummah, kesejahteraan negara

AKTIVITI khidmat masyarakat merupakan salah satu elemen penting dalam pembangunan ummah dan pembinaan peradaban insan yang seimbang dari sudut spiritual, intelektual dan sosial. Di Negara Brunei Darussalam (NBD), aktiviti-aktiviti khidmat masyarakat banyak dilakukan oleh pelbagai pihak ke arah membentuk masyarakat yang prihatin, bersatu padu, saling membantu di samping aktif menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan pembangunan negara. Beberapa aktiviti khidmat masyarakat telah dikongsikan kepada umum melalui pameran semasa berlangsungnya Persidangan Antarabangsa Khidmat Masyarakat dan Pemerkasaan Komuniti 2026, di Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 6 dan 7 Julai yang lalu.

Sukarelawan Yayasan

Antara yang menyertai pameran ialah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) melalui Sukarelawan Yayasan iaitu kumpulan sukarelawan di YSHHB yang membantu melaksanakan aktiviti kebajikan dan khidmat masyarakat di seluruh NBD. Sukarelawan Yayasan yang mempunyai 3,054 sukarelawan berdaftar telah menyumbang lebih 5,000 jam khidmat bakti sepanjang tahun 2026 melalui Program Intervensi Pendidikan (PIP) dan Program Ziarah Warga Emas.

JAPEM

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan pula mempamerkan

Program Biasiswa Tahfiz bagi Orang Kelainan Upaya (OKU). Program ini telah berjaya melahirkan pelatih yang cemerlang dalam bidang hafazan Al-Quran, dengan enam pelatih menamatkan bacaan 30 juzuk dan empat pelatih mencapai hafazan 12 juzuk. Program ini membuktikan bahawa keterbatasan fizikal bukanlah penghalang untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang keagamaan, di samping meningkatkan keyakinan diri, menggalakkan penyertaan dalam pendidikan agama serta menjadi inspirasi kepada keluarga dan masyarakat.

Juga dikongsikan semasa pameran tersebut ialah Program Keusahawanan Pusat Bahagia yang telah berjaya memperkasa pelatih OKU melalui pembangunan kemahiran keusahawanan, literasi kewangan, komunikasi dan interaksi sosial. Program ini meningkatkan keyakinan diri pelatih serta memberi pendedahan kepada masyarakat melalui penyertaan dalam pelbagai aktiviti jualan. Secara tidak langsung, program ini berjaya mengurangkan stigma terhadap OKU, meningkatkan penerimaan masyarakat, serta meneguhkan kebolehan dan bakat komuniti OKU.

Sementara itu di bawah Program OKU Got Talent (OGT) pula menyediakan platform inklusif kepada komuniti OKU untuk meneguhkan bakat, membina keyakinan diri dan mengembangkan potensi dalam industri kreatif. Program ini berjaya meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kebolehan OKU, menggalakkan penyertaan yang lebih aktif dalam program pembangunan, serta mengubah persepsi masyarakat bahawa

OKU mempunyai potensi yang setara untuk mencapai kejayaan.

Juga dipamerkan ialah kisah kejayaan seorang pelatih OKU iaitu Awang Mohammad Zulafendy bin Mohd. Sufri. Sejak tahun 2013, beliau telah menghasilkan pelbagai karya seni kreatif menggunakan gulungan kertas majalah terpakai, termasuk replika bangunan dan mercu tanda ikonik di dalam dan luar negara seperti masjid, muzium, jambatan serta bangunan bersejarah.

JUZWAB

Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB), Kementerian Hal Ehwal Ugama pula mempamerkan mengenai Program Pengupayaan Asnaf Zakat (PROPAZ) yang bertujuan memperkasa golongan asnaf melalui pembangunan modal insan berasaskan latihan kemahiran, pendidikan vokasional, pembangunan diri dan keusahawanan. Sejak diperkenalkan pada tahun 2007, pelbagai program telah dilaksanakan di bawah PROPAZ, antaranya PROPAZ - PPB; PROPAZ - Perantis; PROPAZ Az-Zira'ah; PROPAZ - Pembangunan Diri; PROPAZ - Keusahawanan; PROPAZ - IKB; Program Memperkasa Keusahawanan dan Program Pembangunan Diri Berkesan.

Sehingga tahun 2025, PROPAZ telah menjalin kerjasama dengan 198 rakan strategik dan menawarkan penyertaan kepada 449 peserta, dengan 331 peserta berjaya menamatkan program. Daripada jumlah tersebut, seramai 273 peserta telah berjaya memperoleh pekerjaan atau

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

menceburi bidang perniagaan, manakala 244 peserta tidak lagi tersenarai sebagai pemohon atau penerima zakat dan bantuan. Kejayaan ini membuktikan keberkesanan PROPAZ dalam memperkasa asnaf ke arah kehidupan yang lebih berdikari, berdaya saing dan mampan, di samping melahirkan ikon PROPAZ sebagai sumber inspirasi kepada masyarakat.

Bank Usahawan Berhad


Selain itu pameran juga disertai oleh dua buah institusi kewangan di negara ini iaitu Bank Usahawan Berhad yang ditubuhkan dengan tujuan menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana melalui pembiayaan patuh Syariah. Ditubuhkan pada tahun 2017, Bank Usahawan komited dalam memperkasa usahawan Brunei melalui penyediaan pembiayaan kewangan yang patuh Syariah yang menyokong perkembangan perniagaan, mewujudkan peluang, serta memberi sumbangan kepada kemajuan pembangunan ekonomi NBD.

Juga menyertai pameran ialah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dengan aktiviti kemasyarakatan, Barakah Baina Anam, iaitu inisiatif tahunan yang menyalurkan barangan keperluan kepada 35 keluarga di seluruh negara dengan tujuan membantu meringankan beban dan menyemarakkan semangat kebersamaan menjelang bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. TAIB juga memperlihatkan keprihatinan kepada anak-anak yatim dengan

mengadakan aktiviti membeli-belah bersama 50 anak-anak yatim bertujuan membawa keceriaan Hari Raya Aidilfitri dan mendidik nilai pengurusan kewangan. Pameran juga mengongsikan aktiviti derma darah demi menyelamatkan nyawa sebagai salah satu bentuk kebajikan kesihatan dari pihak TAIB kepada masyarakat.

Pameran juga disertai oleh Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), sebuah institusi pengajian tinggi berteraskan nilai-nilai Islam yang mempunyai tanggungjawab strategik untuk memimpin inisiatif khidmat masyarakat, kesukarelawanan, dakwah dan misi kemanusiaan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Selaras dengan tema persidangan, 'Memperkasa Khidmat Masyarakat ke Arah Pembangunan Ummah Lestari', pameran telah memperlihatkan bahawa kejayaan pembangunan sesebuah negara bukan hanya diukur melalui kemajuan ekonomi dan fizikal, tetapi juga melalui kekuatan nilai kemanusiaan, keprihatinan sosial dan kesediaan setiap lapisan masyarakat untuk saling membantu. Melalui kerjasama erat antara agensi kerajaan, institusi kewangan, institusi pengajian tinggi dan pertubuhan masyarakat, usaha memperkasa komuniti akan terus diperkukuhkan ke arah melahirkan masyarakat yang prihatin, berdaya saing serta sentiasa berganding bahu menyumbang kepada kemajuan NBD.



Rumah Tangah

KEDINGINAN tiba-tiba muncul di belakang tengkuk dua orang adik beradik yang baru sahaja sampai dari kota ketika mereka melangkah ke ambang pintu rumah yang kelihatan sangat menyeramkan. Keadaan rumah yang terlihat kusam, cat mengelupas dan dikelilingi tanaman liar menyokong suasana ngeri yang dirasakan dua insan tersebut. Melati, gadis yang baru sahaja menginjak umur 16 tahun dua pekan lalu, memegang erat adiknya, Malik, yang hanya 8 tahun lebih muda darinya. Memandangkan cuti sekolah bulan Disember baru sahaja bermula, mereka berdua telah disarankan oleh ibu bapa mereka untuk mengunjungi saudara mereka yang tinggal jauh di kampung pedalaman.

"Baiklah kamu melawat tengah kamu di kampung, siuk jua tu. Banyak benda baru kamu bulih belajar. Lama sudah ia inda meliat kamu, malar diristanya bila kamu kan ke sana," kata ayah mereka pada waktu makan tengah hari Ahad yang lepas. Dua budak yang terbiasa di kelilingi dengan kecanggihan teknologi moden ini awalnya berasa enggan untuk menuruti kata ayahnya, namun atas desakan yang tiada henti mereka pun akhirnya bersetuju untuk meluangkan waktu untuk menginap selama dua hari satu malam di rumah kakak perempuan ayahnya itu.

Di ambang pintu yang menyeramkan inilah berdirinya Melati dan Malik saling berpaut tangan dengan hati yang berdebar-debar. Jam di telefon bimbit Melati menunjukkan waktu pukul 6.30 malam. Matahari telah pun terbenam dengan sepenuhnya dan azan maghrib telah pun berkumandang menandakan peralihan waktu dari siang ke malam. Mereka sampai dengan selamat selepas menempuh perjalanan selama dua jam. Terdetik sekejap rasa penyesalan di hati Melati kerana telah menyetujui cadangan ayahnya yang menurutnya sedikit tidak masuk akal. Sungguh samar ingatannya tentang pemilik rumah ini. Dia tidak yakin apakah dia akan dapat menikmati penginapannya di rumah yang baru pertama kali dikunjungi ini.

Melati menarik nafas panjang untuk menstabilkan jantungnya

yang berdegup kencang. Dengan tangan yang sedikit terketar-ketar, dia mencapai loceng pintu yang terletak di sisi kanan pintu yang diukir dengan ukiran yang halus dan rumit. Sambil menunggu sahutan dari penghuni rumah itu, Melati melihat ke bawah dan mendapati Malik sedang memandangnya dengan ketakutan yang sama di matanya. Dia mengeratkan genggamannya sebagai isyarat untuk meyakinkan adiknya bahawa semua akan baik-baik saja. Tap-tap-tap. Selangkah demi selangkah mereka mendengar bunyi tapak kaki seseorang dari dalam rumah menghampiri pintu. Mereka berundur ke belakang sedikit sebaik sahaja decitan pintu itu terdengar dengan harapan disambut oleh Tangah yang dimaksudkan.

Namun, jangkaan mereka musnah apabila mereka gagal untuk mengesan sebarang sosok tubuh di sebalik pintu tersebut. Malik mendongak ke atas melihat kakak perempuannya dalam kebingungan. Pautan tangan yang erat tadi telah pun berpindah kepada sisi pinggang kakaknya. "Assalamualaikum... ada orang di rumah? Ngah?" Melati memberanikan diri untuk bertanya namun hanya terdengar pantulan suaranya menyahut kembali. Jangan ditanya apa perasaan Melati ketika itu. Ketakutan yang dirasakannya kini berlipat-ganda secepat kilat. Jantungnya berdegup lebih laju dan telapak tangannya mulai berkeringat dingin.

Selepas merenung ke pintu yang kini terbuka luas untuk beberapa saat, Melati akhirnya memberanikan dirinya. Dengan menarik nafas yang sangat dalam, yang entah sudah ke berapa kali telah Melati ambil sejak kedatangannya, dia pun menguatkan langkah masuk ke dalam rumah tersebut. Sejurus masuk ke dalam, mereka disambut dengan lorong rumah yang menuju ke tangga di penghujungnya. Ruangan itu bercahaya malap dengan hanya dibekalkan oleh satu lampu LED di tengah lorong tersebut.

Di sisi kiri lorong tersebut terlihat satu ruangan yang kelihatannya menuju ke ruang tamu keluarga. Terdapat sebuah televisi yang menyala tanpa suara. Kedua beradik itu pun mengambil langkah

dengan perlahan sambil memanggil nama penghuni rumah tersebut. "Ngah...? Ngah Nilam...? Hello?" jerit Melati ke ruangan kosong itu. "BOOOOOM!" sebelum mereka melangkah jauh, suara dentuman guruh yang sangat kuat tiba-tiba kedengaran memecah kesunyian ruangan itu dan merubah suasana menjadi gelap-gelita, menghentikan pergerakan mereka dengan serta-merta.

Kejutan suara yang sangat keras itu memeranjatkan dua insan yang sedang dalam ketakutan itu. Melati memejamkan matanya dan menutup telinganya. Memerlukan beberapa saat untuk Melati pulih dari kejadian mengejutkan tersebut. Tiba-tiba, dia merasakan seperti ada yang hilang dan apabila dia melihat ke bawah, dia mendapati Malik telah melepaskan genggamannya. Sosok tubuhnya kini tidak diketahui di mana keberadaannya. Panik pun melanda dirinya ketika menyadari ketiadaan adik lelaki satu-satunya itu. Dengan sekuat tenaga, dia pun menjerit dengan memanggil nama adiknya, "MALIK! MALIK! DI MANA KAU?!" namun tiada sahutan balas yang diperolehi. Dengan bergegas, Melati melihat seluruh penjuru lorong rumah mencari adiknya. Keadaan yang sangat gelap akibat terputusnya saluran elektrik, menambah sulit usahanya untuk menemukan adiknya. Tiba-tiba dari penglihatan sisi matanya, dia merasa ada kelibat melintas dengan cepat menuju ke tangga di hujung ruangan itu. Seram melanda dirinya namun keinginan untuk menemukan adiknya mendorongnya untuk melangkah mendekati tangga tersebut.

Apabila sampai di permulaan tangga, dengan sedikit keberanian yang tertinggal di dalam dirinya, Melati pun mengambil satu langkah perlahan menaiki anak tangga. Krieeek...kruk... bunyi yang dihasilkan oleh tangga kayu tersebut memecah sunyi ruangan itu. Langkah Melati terhenti dan tubuhnya merinding untuk ke sekian kalinya. Satu hembusan nafas panjang diambil sebelum Melati melanjutkan langkahnya naik ke anak tangga seterusnya.

"Ka Melatii..." tiba-tiba suara sayup kedengaran memanggil namanya. Melati tersentak dan secara tidak sengaja terlepas

Oleh : Srikandi Tanah Mawar
Ilustrasi: Muhammad Al Khaliq Ali

langkah. "BRUKKK!!" Melati jatuh terlentang ke lantai. Namun tanpa jeda, ketakutan Melati nyatanya belum dikunjungi pengakhiran. Dia tidak sempat untuk merasakan kesakitan di tubuhnya apabila dia melihat bayangan sosok tubuh besar yang keluar dari bilik tamu. Ingin sekali dia menjerit namun mulutnya tidak mahu mematuhi. Melati terbaring di sana dengan mulut yang terbuka dan mata dipenuhi kecemasan. Pandangannya mulai kabur dan untuk pertama kali dalam sejarah hidupnya, Melati kehilangan kesedaran.

"Ka... Ka Mel.." wajah seorang anak lelaki yang berbentuk bulat dengan mata besar berwarna coklat adalah pemandangan pertama yang menyapanya sejurus dia membuka matanya. "MALIK!" jeritnya setelah menyadari bahawa itu adalah adik lelakinya. Dia duduk menegakkan tubuhnya dan memeluk erat adik kesayangannya itu. Ruang yang tadi gelap kini terang-benderang. Malik tersenyum ke arah kakaknya dan menoleh ke belakang. Melati pun mengikuti arah penglihatan Malik dan melihat seorang wanita berumur berambut putih dan memakai baju tidur kelawar berwarna coklat tua, sedang menghampirinya dengan senyuman di wajahnya. Ciri-ciri mukanya yang tidak jauh beza dengan ayahnya, meyakinkan Melati bahawa sosok di hadapannya ini adalah tangah Nilam yang dimaksudkan.

"Ngah Nilam..." Melati bertanya dengan ragu-ragu. "Awu lai, batah sudah tangah inda meliat kamu. Basar sudah kamu dua ani. Okay kau lai?" wanita berumur itu membalas dengan suara yang ramah. Melati pun akhirnya merasa sangat lega selepas mengetahui penghuni rumah yang dicari akhirnya ditemukan. Namun, Melati masih merasa ada kejanggalan terhadap apa yang baru sahaja dia alami. "Siapa yang buka pintu tadi...?" Melihat raut wajahnya yang memancar kebingungan, Ngah Nilam pun menjawab, "Oh... si Anas tu yang buka pintu. Anas, oh Anas, sini!" tidak lama setelah itu muncullah seorang kanak-kanak lelaki bertubuh kecil datang terkedek-kedek menghampiri

mereka. Wajahnya berbentuk bulat dan matanya yang sipit serta rambutnya yang sedikit keriting membuat umurnya kelihatan tidak lebih dari 4 tahun. Anas, merupakan cucu kepada Ngah Nilam melalui anak lelakinya yang pertama.

Ngah Nilam pun mula menjelaskan kejadian sebenar kepada Melati. Selepas mereka menekan loceng pintu rumah, Anas pun berlari mencuba untuk membuka pintu depan dengan semangat. Mungkin kerana ukuran tubuhnya yang kecil dan rendah, dia terjatuh ke sisi pintu selepas membukanya. Sebab itu tidak terlihat ada siapa-siapa di sebalik pintu. Malik mungkin menyadari keberadaannya di sebalik pintu selepas dentuman guruh yang kuat dan berlari untuk menolongnya berdiri.

"Tapi kenapa TV masih menyala? Suara siapa tadi memanggil namaku?" soalan bertubi-tubi Melati utarakan. "Oh TV tu memakai tenaga bateri. TV mudah alih yang baru saja tangah bali bulan lepas. Sebab itu ia masih menyala walaupun elektrik terputus tadi," jawab Ngah Nilam sambil menunjukkan jarinya ke wayar TV yang tidak tersambung tersebut.

Mengenai suara sayup yang Melati dengar tadi, itu adalah suara Anas yang memanggilnya tapi disebabkan suaranya yang sangat kecil dan lembut, panggilan itu terdengar seperti bisikan. Segala pertanyaan di kepala Melati pun kini terjawab. Kelegaan menyerap tubuhnya dan dia pun akhirnya dapat bernafas dengan lega. Sungguh tidak disangka pengalaman pertamanya mengunjungi rumah Ngah Nilam akan menjadi seperti ini. Ianya menjadi pengalaman yang sangat berharga baginya dan adiknya yang tentu saja akan bertahan di memorinya sampai bila-bila.

Malam itu pun diteruskan dengan ajakan makan malam yang disediakan oleh Ngah Nilam. Kesunyian yang pada mulanya menghantui rumah itu kini telah diganti dengan gelak tawa dan celoteh tanpa henti dari kedua adik beradik itu. Nampaknya, kunjungan mereka akan menjadi sangat menyenangkan dan tidak terlupakan.

2 WARGA ASING DITAHAN DALAM OPERASI KAKAS JIPK 2026



DUA operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan baru-baru ini yang mana menyasarkan kepada kawasan persekitaran di Mukim Liang dan Mukim Belait (atas kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BELAIT, Khamis, 9 Julai. - Operasi Kakas JIPK 2026 terus giat dilaksanakan oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Cawangan Kuala Belait bagi membendung pesalah-pesalah imigresen di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sehubungan itu, dua operasi penguat kuasa undang-undang telah dilaksanakan baru-baru ini yang mana menyasarkan kepada kawasan persekitaran di Mukim Liang dan Mukim Belait.

Dalam Operasi Kakas 71/2026 yang menyasarkan kawasan persekitaran di Mukim Liang, seorang warganegara asing telah diperiksa yang kemudiannya ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-Undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 15(2), Peraturan Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja bukan dengan majikan asal.

Manakala pada Operasi Kakas 73/2026 di kawasan persekitaran di Mukim Belait, hasil operasi yang

dijalankan telah memeriksa 11 orang warganegara asing yang mana seorang daripadanya telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Penguatkuasa Undang-undang bagi siasatan lanjut kerana dipercayai melakukan kesalahan di bawah Peraturan 9(4), Peraturan

Imigresen, Penggal 17 iaitu bekerja menggunakan Pas Lawatan.

Bagi sebarang maklumat kesalahan di bawah Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, sila hubungi talian Hotline Bahagian Penguatkuasa Undang-undang menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (Bandar Seri Begawan) / +673 8984111 (Kuala Belait).

Permohonan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran dibuka 10 Julai

Siaran Akhbar : Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) selaku Urus Setia Lembaga Tasmie' Menghafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam (NBD) akan mengadakan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD Kali Kedua Tahun 2026, yang dijadualkan bermula pada awal bulan September 2026.

Ujian tersebut dibukakan kepada warganegara dan penduduk tetap sahaja yang mana akan dibukakan permohonannya mulai Jumaat, 24 Muharam 1448 bersamaan 10 Julai 2026.

Permohonan dan Penghantaran Borang Permohonan Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD Kali Kedua Tahun 2026 boleh dihadapakan secara dalam talian melalui pautan di Media Sosial Urus Setia berikut: Facebook - Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran; Facebook - Urus Setia Ujian Tasmie' Hafaz Al-Quran Negara Brunei Darussalam; dan Instagram PPPQ MABIMS (official).

Tarikh tutup permohonan dan penghantaran borang adalah pada Jumaat, 5 Safar 1448 bersamaan 20 Julai 2026.

Bagi sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS menerusi talian +673 2237512 pada waktu bekerja.

Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama, Berceramah Ugama dibukakan

Siaran Akhbar dan Infografik : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Julai. - Permohonan Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama bagi Musim Ketiga Ujian Temuduga Tahun 2026 adalah dibukakan mulai 1 Julai 2026 hingga 16 Ogos 2026.

Pemegang Tauliah Mengajar Al-Quran, Ugama dan Berceramah Ugama yang akan tamat tempoh sehingga 28 Februari 2027 adalah dinasihatkan untuk membuat permohonan memperbaharui tauliah berkenaan dalam tempoh 6 bulan sebelum tamat tempoh Tauliah.

Ujian temuduga akan diadakan bermula pada September 2026 hingga Oktober 2026.

Bagi Borang Permohonan dan Syarat Permohonan Tauliah boleh didapati dengan mengimbas Kod QR yang disediakan.

Sebarang maklumat lanjut sila hubungi Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama di talian +673 2381087 pada waktu bekerja.

Borang Permohonan Tauliah Mengajar Ugama



Syarat Permohonan Tauliah Mengajar Ugama



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan: Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Persekitaran Sihat, Selamat Pengaruhi Kehidupan Masyarakat'. Tarikh Tutup : 15 Julai 2026
2. 'Pencemaran di Lautan: Cabaran dan Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 22 Julai 2026
3. 'Transformasi Digital dalam Kehidupan Harian'. Tarikh Tutup : 29 Julai 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



NATO PERKUKUH SEMULA PERPADUAN PAKATAN, PERTAHANAN KOLEKTIF MENERUSI DEKLARASI ANKARA

GENEVA, 9 Julai. - Pemimpin Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) pada Rabu menegaskan semula komitmen "tidak berbelah bahagi" terhadap pertahanan kolektif dan perpaduan pakatan, dengan mengisytiharkan bahawa "serangan terhadap satu anggota dianggap sebagai serangan terhadap semua anggota" menerusi deklarasi sidang kemuncak yang diterima pakai di Ankara, Republik Turkiye, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Deklarasi Sidang Kemuncak Ankara menyatakan negara anggota kekal komited terhadap Artikel 5 Perjanjian Washington, hubungan transatlantik serta pendekatan pertahanan dan pencegahan ancaman dari semua

arah. Deklarasi itu turut menyifatkan "perpaduan, solidariti dan kekuatan kolektif" sebagai asas kepada keamanan, keselamatan dan kemakmuran bagi satu bilion penduduk di negara anggota pakatan itu.

Dengan menyifatkan Persekutuan Rusia sebagai ancaman jangka panjang terhadap keselamatan Euro-Atlantik dan keganasan sebagai cabaran berterusan, negara anggota memaklumkan bahawa negara anggota Eropah dan Kanada meningkatkan pelaburan dalam keperluan pertahanan utama melebihi US\$139 bilion tahun lalu.

Pemimpin turut mengumumkan perolehan baharu aset pertahanan bernilai lebih US\$50 bilion serta

komited memperluas kapasiti pengeluaran pertahanan secara bersama, mempercepat inovasi bersama industri dan menghapuskan halangan perdagangan pertahanan antara negara anggota.

Mereka juga berikrar untuk terus melabur dalam keupayaan ketenteraan moden, termasuk sistem serangan tepat jarak jauh, pertahanan udara dan peluru berpandu bersepadu, sistem tanpa pemandu, keupayaan risikan, keupayaan angkasa lepas dan siber, selain membangunkan sistem pengkomputeran awan peperangan transatlantik yang saling beroperasi serta mengguna pakai model Kecerdasan Buatan (AI).

Mengenai Ukraine, NATO berkata negara anggota kekal bersatu dalam memberikan sokongan "tidak berbelah bahagi" terhadap kebebasan, kedaulatan dan keutuhan wilayah negara itu. Mereka turut berjanji menyalurkan bantuan ketenteraan, latihan dan kelengkapan bernilai 70 bilion (US\$80 bilion) pada 2026, selain mengekalkan sekurang-kurangnya tahap komitmen yang sama pada 2027.

Deklarasi itu juga mengalu-alukan Pinjaman

Sokongan Ukraine pelbagai tahun oleh Kesatuan Eropah (EU).

Negara anggota turut mengulangi pendirian bahawa Republik Islam Iran "tidak boleh sama sekali memiliki senjata nuklear" dan menggesa Tehran menghormati sepenuhnya kebebasan pelayaran di Selat Hormuz sebelum mengucapkan penghargaan kepada Republik Turkiye kerana menjadi tuan rumah sidang kemuncak bersejarah itu. - ©BERNAMA

Ebola terus merebak di DRC, angka kematian melebihi 500 - WHO

GENEVA, 8 Julai. - Wabak Ebola strain Bundibugyo yang membawa maut di timur Republik Demokratik Congo (DRC) terus merebak, dengan 506 kematian dilaporkan setakat ini, menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada Selasa.

Wakil WHO ke DRC, Anne Ancia berkata skala sebenar wabak itu masih belum dapat dipastikan sepenuhnya dan terlalu awal untuk menyatakan keadaan sudah stabil, lapor Xinhua.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Geneva menerusi pautan video dari Bunia, ibu kota Wilayah Ituri yang menjadi pusat penularan wabak itu.

Ancia berkata sehingga 4 Julai, DRC merekodkan 1,561 kes disahkan, termasuk 506 kematian dan 254 kes sembuh, manakala

lebih 10,000 kontak rapat sedang dipantau.

Beliau berkata kerajaan tempatan, dengan sokongan WHO sedang menjejaki sejarah setiap kes bagi mengenal pasti rantai penularan dan mengasingkan kontak rapat.

Ancia turut memaklumkan bahawa pusat rawatan kini beroperasi pada tahap kapasiti maksimum, manakala petugas perubatan terus berkhidmat kepada komuniti terjejas meskipun berdepan cabaran besar.

Wabak semasa diisytiharkan pada 15 Mei dan merebak di kawasan yang terjejas akibat konflik aktif, perpindahan penduduk serta perkhidmatan kesihatan yang terbeban.

Walaupun kapasiti ujian harian dipertingkatkan dan makmal

diwujudkan di wilayah terjejas, Ancia memberi amaran mengenai kekurangan bekalan penting.

"Hari ini, kami tidak mempunyai ambulans yang mencukupi," katanya, sambil memberi amaran bahawa semua keperluan di Wilayah Ituri tidak dapat dipenuhi sepenuhnya.

Sementara itu, beliau mengumumkan ujian klinikal bermula pada 2 Julai bagi menilai dua terapi yang berpotensi untuk strain Bundibugyo.

Walaupun belum ada rawatan yang diluluskan dan terbukti berkesan bagi penyakit itu, Ancia berkata lebih 1,200 dos rawatan akan diberikan secara tunggal atau gabungan bagi menilai sama ada ia mampu meningkatkan peluang pesakit untuk terus hidup. - ©BERNAMA

British Columbia timbang tindakan undang-undang terhadap OpenAI

HAMILTON (Kanada), 8 Julai. - Wilayah British Columbia di Kanada melantik peguam bagi mengambil tindakan undang-undang terhadap OpenAI susulan dakwaan syarikat itu gagal memaklumkan pihak penguat kuasa mengenai ancaman yang dibuat menerusi platform ChatGPT sebelum insiden tembakan di Sekolah Menengah Tumbler Ridge pada Februari, kata Peguam Negara Niki Sharma pada Selasa.

Anadolu Ajansi memetik kenyataan Pejabat Peguam Negara bahawa wilayah itu melantik CFM Lawyers di Vancouver dan firma berpangkalan di California, Stranch, Jennings & Garvey, bagi meneliti semua saluran perundangan untuk memastikan OpenAI serta pembuat keputusannya bertanggungjawab.

Dalam kejadian pada 10 Februari, Jesse Van Rootelaar, 18, membunuh ibunya dan adik tiri berusia 11 tahun di rumah keluarga mereka, sebelum pergi ke sekolah berkenaan dan melepaskan tembakan, menyebabkan lima pelajar serta seorang pembantu guru terbunuh manakala 27 yang

lain cedera. Mangsa termasuk kanak-kanak berusia 12 dan 13 tahun.

Menurut kenyataan itu, pekerja telah menandakan akaun ChatGPT milik penyerang berkenaan lapan bulan sebelum kejadian selepas mendapati akaun itu menunjukkan ancaman keganasan bersenjata yang boleh dipercayai, selain menggesa kepimpinan kanan supaya memaklumkan pihak berkuasa Kanada.

Kenyataan itu turut menyatakan bahawa kepimpinan syarikat tidak memaklumkan perkara berkenaan kepada polis atau pihak berkuasa tempatan.

"Ingatan kami bersama keluarga yang kehilangan insan tersayang, mereka yang cedera dan seluruh komuniti Tumbler Ridge.

"Apabila wujud kebimbangan serius bahawa peluang untuk mencegah kemudaratan telah terlepas, kami mempunyai tanggungjawab untuk bertindak.

"Itu tanggungjawab kami kepada mangsa, keluarga mereka dan semua pihak yang kehidupan mereka berubah akibat tragedi ini," katanya.

Sharma berkata British Columbia tidak pernah gentar mengambil tindakan terhadap syarikat berpengaruh sekiranya tindakan mereka menyebabkan kemudaratan kepada orang ramai dan komuniti.

"Kami mengambil langkah ini kerana terdapat kebimbangan berhubung kegagalan OpenAI memaklumkan pihak penguat kuasa selepas ancaman dikesan pada platformnya.

"Kami akan menggunakan setiap saluran yang ada bagi memastikan OpenAI dan pembuat keputusannya dipertanggungjawabkan, kerana tiada syarikat atau pemimpin korporat harus terlepas daripada penelitian apabila keselamatan awam dipertaruhkan," katanya.

Wilayah itu berkata tindakan undang-undang berkenaan akan diteruskan secara berasingan daripada saman yang telah difailkan beberapa keluarga mangsa terhadap OpenAI di Mahkamah Daerah Amerika Syarikat bagi Daerah Utara California, dengan kedua-dua usaha itu berjalan secara bebas dan selari. - ©BERNAMA

Airbus, MTU bangunkan enjin pesawat tanpa pelepasan

MUNICH, 8 Julai. - Airbus dan pengeluar enjin MTU merancang untuk membangunkan secara bersama enjin pesawat berasaskan sel bahan api yang tidak menghasilkan pelepasan, lapor agensi berita Jerman dpa.

Menurut kenyataan kedua-dua syarikat pada Selasa, sebuah usaha sama dijangka membangunkan dan memasarkan enjin baharu itu mulai 2027.

Kedua-dua syarikat mengumumkan penubuhan usaha sama berkenaan sebagai langkah seterusnya dalam kerjasama mereka selepas menandatangani memorandum persefahaman pada 2025.

Bagaimanapun, kelulusan kawal selia dan perbincangan dengan badan perwakilan pekerja masih belum dimuktamadkan.

Pelepasan daripada enjin pesawat konvensional amat memudaratkan iklim kerana pesawat jet beroperasi pada altitud tinggi.

Dalam industri penerbangan, pendorongan bateri elektrik dianggap tidak sesuai untuk pesawat bersaiz besar berikutan faktor berat bateri.

Sebaliknya, sel bahan api menjana elektrik di dalam pesawat melalui tindak balas kimia antara hidrogen dan oksigen.

Usaha sama yang dirancang itu bukan sahaja bertujuan membawa teknologi pendorongan sel bahan api ke tahap sedia dipasarkan, malah mempunyai matlamat lebih luas apabila MTU dan Airbus berhasrat menonjolkan kepimpinan teknologi Eropah.

Kedua-dua syarikat itu telah bekerjasama dalam pembangunan enjin sel bahan api sejak beberapa tahun kebelakangan ini. - ©BERNAMA

Pesawat kargo Boeing 737 hilang di perairan Karachi, operasi SAR dilancar

HYDERABAD, 8 Julai. - Republik Islam Pakistan melancarkan operasi pencarian besar-besaran selepas sebuah pesawat kargo Boeing 737 yang membawa lima anak kapal dilaporkan hilang di perairan Karachi pada malam Selasa.

Pesawat milik K2 Airways yang berpangkalan di Karachi itu terputus hubungan dengan pengawal trafik udara pada kedudukan 155 batu nautika (287 kilometer) di barat bandar pelabuhan berkenaan, menurut Pihak Berkuasa Lapangan Terbang Pakistan (PAA) dalam hantaran di media sosial.

Pesawat itu dalam penerbangan dari Sharjah di Emiriah Arab Bersatu ke Karachi.

Pada 9.18 malam waktu tempatan, juruterbang melaporkan masalah sistem navigasi dan pengawal trafik udara Karachi segera membantu memberi panduan kepada pesawat berkenaan.

Bagaimanapun, tiga minit kemudian, pesawat itu dikesan menjunam dengan pantas sebelum hilang sepenuhnya daripada radar di Laut Arab.

PAA berkata operasi mencari dan menyelamatkan di laut kemudian dilancarkan menerusi pelbagai agensi bagi mengesan pesawat yang hilang itu.

Saluran televisyen Republik Islam Pakistan melaporkan frigat Tentera Laut Pakistan, PNS Zulfiqar serta pesawat Saab milik Tentera Udara turut menyertai operasi pencarian bersama aset maritim dan udara lain.

Kapal dagang Lahore milik Pakistan National Shipping Corporation turut digerakkan bagi membantu operasi. - ©BERNAMA

MUZIUM LOUVRE TUTUP LEBIH AWAL SUSULAN GELOMBANG HABA BAHARU DI REPUBLIK PERANCIS



PARIS, 10 Julai. - Muzium Louvre mengumumkan pada Khamis bahawa ia akan menutup operasinya dua jam lebih awal daripada waktu biasa bermula Jumaat hingga Isnin depan ketika Republik Perancis berdepan satu lagi gelombang haba.

Menerusi kenyataan di platform media sosial X, muzium itu memaklumkan ia akan ditutup pada pukul 4 petang waktu tempatan, berbanding waktu operasi biasa

PAPAN tanda di hadapan Muzium Louvre memaklumkan bahawa muzium itu akan ditutup lebih awal pada pukul 4 petang berikutan gelombang haba, di Paris, Republik Perancis, 25 Jun 2026.

sehingga pukul 6 petang, dari 10 hingga 13 Julai berikutan cuaca panas melampau.

Muzium Nasional Eugene Delacroix yang bernaung di bawah Louvre turut akan mengikut waktu operasi yang sama.

Dalam laporan yang dikeluarkan pada Khamis, agensi meteorologi Meteo-France memaklumkan bahawa selepas gelombang haba luar biasa melanda Republik Perancis pada penghujung Jun lalu, suhu yang sangat tinggi sekali lagi dijangka meliputi sebahagian besar negara itu.

Menurut agensi berkenaan,

sembilan jabatan di tanah besar Republik Perancis akan diletakkan di bawah amaran merah gelombang haba, iaitu tahap amaran tertinggi, pada Jumaat, manakala 76 lagi jabatan kekal di bawah amaran jingga.

Meteo-France turut meramalkan suhu di Paris mencecah 35 darjah Celsius pada Jumaat.

Sewaktu gelombang haba pada penghujung Jun lalu, Muzium Louvre juga memendekkan waktu operasinya dengan menutup pintu pada pukul 4 petang, berbanding pukul 6 petang, dari 24 hingga 27 Jun berikutan cuaca panas melampau. - ©XINHUA

Kebakaran hutan ragut sekurang-kurangnya 12 nyawa di selatan Sepanyol

ISTANBUL, 10 Julai. - Sekurang-kurangnya 12 orang maut dalam kebakaran hutan yang berlaku pada Khamis di perbandaran Los Gallardos, wilayah Almeria di wilayah Andalusia, selatan Sepanyol, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik penyiar RTVE.

Menurut perkhidmatan kecemasan Andalusia, mangsa ditemukan di sebuah perkampungan kecil di perbandaran Bedar, dengan beberapa mangsa ditemukan di dalam kenderaan yang terbakar.

Pemangku Menteri Kesihatan, Kepresidenan dan Kecemasan Andalusia, Antonio Sanz, menyifatkan kebakaran itu sebagai "kebakaran yang mengakibatkan kesan paling buruk setakat ini" di wilayah berkenaan serta menggelarnya sebagai "tragedi yang belum pernah berlaku sebelum ini".

Pihak berkuasa meningkatkan Pelan Tindak Balas Kebakaran Hutan wilayah itu ke fasa kecemasan ketika kebakaran terus merebak, manakala Unit Kecemasan Tentera (UME)

Sepanyol mengerahkan 150 anggota bagi memperkuh operasi pemadaman kebakaran.

Kebakaran serta kepulan asap tebal turut menyebabkan dua jalan utama di wilayah itu ditutup.

Dalam perkembangan berasingan, kira-kira 1,000 penduduk dipindahkan sebagai langkah berjaga-jaga susulan satu lagi kebakaran hutan yang berlaku pada petang Khamis di wilayah Malaga, selatan negara itu.

Kebakaran itu masih aktif, dengan hampir 180 anggota terus berusaha mengawal kebakaran daripada terus merebak. - ©BERNAMA

Loji nuklear pertama Republik Arab Mesir dijadual disambung ke grid nasional pada 2028

KAHERAH, 10 Julai. - Pembinaan loji tenaga nuklear pertama Republik Arab Mesir berjalan lancar, dengan reaktor pertamanya dijangka disambungkan ke grid tenaga nasional pada 2028, kata Perdana Menteri Mostafa Madbouly pada Khamis, lapor Xinhua.

Madbouly berkata demikian ketika bertemu Ketua Pengarah syarikat tenaga nuklear milik kerajaan Rusia, Rosatom, Alexey Likhachev di luar majlis pemasangan bekas tekanan reaktor bagi unit kedua loji itu.

Beliau menyifatkan Loji Tenaga Nuklear El Dabaa sebagai projek nasional yang sekian lama

dinantikan dan dapat direalisasikan menerusi kerjasama Republik Arab Mesir-Persekutuan Rusia, selain menegaskan komitmen kerajaan untuk menyiapkannya mengikut jadual yang dipersetujui.

Madbouly berkata loji nuklear itu merupakan sebahagian daripada strategi lebih luas Republik Arab Mesir untuk mempelbagaikan sumber tenaga dan meningkatkan bahagian tenaga bersih bagi memenuhi permintaan elektrik yang semakin meningkat.

Likhachev merakamkan penghargaan kepada kerajaan Republik Arab Mesir atas sokongan berterusan serta membentangkan perkembangan terkini projek itu.

Beliau berkata reaktor pertama daripada empat unit loji berkenaan dijadual disambungkan ke grid pada 2028, manakala tiga unit selebihnya dijangka mula beroperasi menjelang 2030.

Terletak di bandar pesisir Mediterranean, El Dabaa di Wilayah Matrouh, kira-kira 300 kilometer barat laut Kaherah, loji itu akan mempunyai empat unit reaktor dengan setiap satunya berkapasiti menjana 1,200 megawatt. Projek berkenaan dilaksanakan di bawah kontrak yang ditandatangani Republik Arab Mesir dan Persekutuan Rusia serta berkuat kuasa pada Disember 2017. - ©BERNAMA

Juruterbang AS, wanita tertua ke angkasa Wally Funk meninggal dunia pada usia 87

WASHINGTON, 10 Julai. - Perintis penerbangan Amerika Syarikat (AS) Wally Funk meninggal dunia pada usia 87 tahun, menurut jurucakap bandar Grapevine di Texas pada Khamis, lapor Agensi Akhbar Jerman (dpa).

Funk, yang melakukan perjalanan ke angkasa lepas pada 2021 ketika berusia 82 tahun dan mencipta rekod usia meninggal dunia pada Rabu di Grapevine, menurut jurucakap itu. Beliau meninggal dunia di rumah atas sebab semula jadi dengan ditemani insan tersayang. "Kami amat berdukacita atas pemergian Wally Funk," menurut syarikat angkasa lepas AS Blue Origin milik pengasas Amazon Jeff Bezos

menerusi hantaran di platform media sosial X.

Funk melakukan perjalanan ke angkasa lepas bersama Bezos pada 2021 dengan menaiki kapal angkasa New Shepard milik Blue Origin, sekali gus menjadi wanita tertua yang pernah berbuat demikian. "Kami berbesar hati dan rendah hati kerana dapat menjadi sebahagian daripada perjalanan beliau," menurut syarikat itu.

Bekas juruterbang AS itu merupakan wanita pertama dilantik sebagai pemeriksa keselamatan penerbangan di Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kebangsaan (NTSB), selain menjadi tenaga pengajar wanita

pertama di Pentadbiran Penerbangan Persekutuan (FAA). Pada 1960-an, beliau menamatkan program latihan untuk wanita yang berhasrat terbang ke angkasa lepas, namun tidak dipilih menyertai sebarang misi.

"Keazaman Wally Funk yang tidak pernah luntur membuktikan bahawa impian tidak mempunyai tarikh luput," kata Ahli Majlis Bandaraya Grapevine Duff O'Dell, yang juga rakan rapat Funk, dalam kenyataan di Facebook. O'Dell berkata pencapaian Funk menjadi kebanggaan Grapevine, sebuah bandar dengan populasi kira-kira 51,000 orang di kawasan Dallas. - ©BERNAMA

AI perlu kekal sebagai alat, bukan sumber autoriti dalam pembelajaran Islam - IKIM

SAMARKAND (Uzbekistan), 10 Julai. - Kecerdasan Buatan (AI) sepatutnya kekal sebagai alat dan bukannya sumber autoriti dalam pembelajaran Islam, kata Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Prof. Madya Datuk Dr. Mohamed Azam Mohamed Adil.

Beliau mengingatkan bahawa kebergantungan yang semakin meningkat terhadap panduan agama dijana AI tanpa pengesanan ilmuwan boleh menjejaskan pembelajaran agama yang sah.

Mohamed Azam berkata perkembangan pesat AI, platform berasaskan algoritma dan teknologi digital telah mengubah cara masyarakat mengakses maklumat agama, namun pada masa sama mewujudkan bentuk baharu kebergantungan epistemologi.

Berucap pada sesi pleno bertajuk "The Study of Imam Maturidi and the Maturidi School in the Contemporary World" sempena persidangan "The Legacy of Imam al-Maturidi: A Foundation of Moderation, Tolerance and Enlightenment" pada Khamis, beliau memperkenalkan konsep "taklid digital".

Beliau menjelaskan konsep itu sebagai penerimaan tanpa penelitian terhadap pengetahuan agama, pandangan atau pertimbangan moral yang dijana atau diperluas penyebarannya oleh sistem digital, tanpa pengesanan ilmuwan yang sewajarnya atau pertimbangan akal secara mendalam.

"Sebaliknya, konsep itu mencadangkan suatu model akal terpadu, dengan wahyu yang menyediakan kerangka normatif, akal melaksanakan pertimbangan kritis dan teknologi hanya berfungsi sebagai alat bantuan dalam pencarian ilmu oleh manusia," katanya.

Mohamed Azam berkata AI mampu memperluas akses kepada ilmu Islam menerusi manuskrip yang boleh dicari, pangkalan data digital serta alat bahasa.

Bagaimanapun, teknologi itu tidak mempunyai kebertanggungjawaban teologi, tanggungjawab moral dan metodologi ilmiah yang diiktiraf untuk berfungsi sebagai sumber autoriti agama.

"Umat Islam tetap bertanggungjawab dari segi moral terhadap ilmu yang mereka terima dan sampaikan," katanya.

Beliau berkata AI-Quran menekankan keperluan menyemak kesahihan maklumat sebelum menerimanya, prinsip yang terus relevan dalam era yang semakin dibentuk oleh platform berteraskan AI.

Memetik falsafah akal terpadu Imam al-Maturidi, Mohamed Azam berkata inovasi teknologi tidak seharusnya ditolak atau diterima secara membuta tuli, sebaliknya digunakan secara bertanggungjawab dalam kerangka etika dan teologi yang berteraskan wahyu serta penelitian rasional.

Sementara itu, Profesor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) Prof. Dr. Shukran Abd. Rahman berkata pendidikan tinggi perlu melangkaui usaha melahirkan graduan yang cekap dari segi teknikal dengan turut membentuk individu beretika yang mampu memupuk keamanan, toleransi dan keharmonian sosial.

Berucap pada sesi sama, Shukran berkata keselamatan global yang sebenar dan pembangunan mampan tidak dapat dicapai menerusi kekuatan ekonomi atau ketenteraan semata-mata, sebaliknya memerlukan pembaharuan ketamadunan dan moral yang mendalam, dipacu oleh pendidikan tinggi.

Beliau mencadangkan model pendidikan tinggi berteraskan kemanusiaan yang diinspirasi daripada warisan intelektual Imam al-Maturidi serta sarjana Asia Tengah lain, dengan mengintegrasikan ajaran mereka dalam kurikulum universiti kontemporari bagi memperkuh kepimpinan beretika dan persefahaman antara budaya.

Shukran berkata universiti perlu membentuk pelajar yang melihat kerjaya mereka sebagai khidmat berteraskan etika, sambil mengingatkan bahawa graduan yang memiliki kemahiran teknikal tinggi tetapi tidak mempunyai nilai seperti keadilan, empati dan integriti boleh menjadi liabiliti, bukannya aset kepada masyarakat.

Persidangan itu menghimpunkan sarjana, ahli akademik dan pembuat dasar bagi meneliti legasi berterusan Imam al-Maturidi serta meneroka bagaimana tradisi intelektual beliau dapat menangani cabaran semasa, termasuk etika digital, pendidikan, tadbir urus dan keharmonian sosial. - ©BERNAMA



NAGA SUMOR JULANG TAKHTA KEJOHANAN SEPAK TAKRAW TERBUKA 2026

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 9 Julai. - Pasukan Naga Sumor membuktikan kehebatan mereka apabila berjaya merangkul gelaran juara Kejohanan Sepak Takraw Terbuka 2026 yang telah berlangsung di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Perlawanan akhir menyaksikan Pasukan Naga Sumor menentang Pasukan Pelangi berlangsung dengan penuh sengit dan mendebarkan, mengheret perlawanan sehingga ke set penentuan.

Pada set pertama Pasukan Naga Sumor membuka langkah kanan dengan kemenangan tipis 17 - 15 namun Pasukan Pelangi enggan menyerah kalah dan bangkit menguasai permainan dengan keputusan 15 - 13 di set kedua.

Beraksi kedua pasukan dalam set penentuan pula yang memperlihatkan strategi Pasukan Naga Sumor kembali memperkemarkan rentak serangan dan hantaran untuk mengesahkan kejuaraan mutlak dengan mata berkesudahan 15 - 11 sekali gus memihak kepada mereka.

Kemenangan bermakna itu membolehkan Pasukan Naga Sumor membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND160. Manakala Pasukan Pelangi selaku naib juara tidak pulang dengan tangan kosong apabila menerima BND100.

Tempat ketiga bersama pula disandang oleh Pasukan Permata Hijau dan Kampung Masin, masing-masing membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah BND60.

■ **Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**

Penyampaian hadiah kepada para pemenang disempurnakan oleh Penghulu Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid.

Adapun kejohanan tersebut merupakan anjuran Majlis Perundingan Kampung (MPK) Kampung Setia dengan kerjasama Majlis Perundingan Mukim Zon 2 Kampong Ayer.

Penganjuran kejohanan tahun ini telah menerima sambutan yang menggalakkan dengan penyertaan sebanyak 54 pasukan dari seluruh negara dan juga penyertaan ditutup kepada pemain kebangsaan.

Langkah itu diambil khusus bagi memberi ruang dan peluang adil kepada

pemain di peringkat biasa untuk menonjolkan bakat terpendam, sekali gus mengembangkan potensi mereka dalam sukan tradisi ini yang juga merupakan platform mencungkil bakat baharu dalam sukan berkenaan.

Penganjuran kejohanan ini merupakan antara aktiviti tahunan utama bagi Mukim Zon 2 Kampong Ayer dan MPK Zon 3 Kampong Ayer. Selain mempromosikan sukan sepak takraw, ia juga menjadi wadah terbaik dalam memperkukuh hubungan silaturahim, memupuk semangat ukhuwah dalam kalangan masyarakat serta menyuburkan budaya gaya hidup sihat melalui aktiviti sukan.



PENGHULU Mukim Zon 2, Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid semasa menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Piala Dunia Taolu : Pasukan wanita negara rangkul emas acara Duilian

KUALA LUMPUR, 9 Julai. - Skuad wushu kebangsaan terus menyinar di pentas antarabangsa apabila pasukan wanita berjaya merangkul pingat emas dalam acara Duilian pada Kejohanan Piala Dunia Taolu IWUF ke-4 di Haikou, Republik Rakyat China.

Majlis Sukan Negara dalam satu kenyataan hari ini memaklumkan gandingan mantap Lee Jia Rong, Pang Pui Yee dan Tan Cheong Min mempamerkan persembahan teknikal yang memukau untuk mencatatkan 9.660 mata sekali gus mengungguli carta podium.

Kejayaan itu menyaksikan mereka mengatasi pasangan Republik Itali, Alessia Tartufoli dan Jasmine Chu yang terpaksa berpuas hati dengan pingat perak walaupun berkongsi mata yang sama.

Pingat gangsa dimenangi oleh wakil Hong Kong, Lydia Sham dan Yeung Michelle yang mengumpul 9.653 mata.

Sementara itu, jaguh wushu negara Cheong Min menambah koleksi peribadi apabila meraih pingat gangsa dalam acara Nandao wanita selepas mencatatkan 9.220 mata.

Acara tersebut dimenangi atlet tuan rumah Zhang Yaling dengan catatan 9.783 mata manakala pingat perak menjadi milik atlet Macau, Wong Sam In (9.446 mata).

Pencapaian itu melengkapkan kecemerlangan skuad negara selepas Cheong Min menyumbang pingat emas dalam acara Nangun wanita semalam manakala Pui Yee meraih pingat perak dalam acara Qiangshu. - ©BERNAMA

CAS akan tangani kemungkinan campur tangan Trump dalam urusan Olimpik - Presiden IOC

MOSCOW, 8 Julai. - Panel khas Mahkamah Timbang Tara Sukan (CAS) akan menangani isu perundangan sekiranya berlaku campur tangan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump dalam urusan Sukan Olimpik Los Angeles 2028, lapor Sputnik/RIA Novosti memetik Presiden Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa (IOC), Kirsty Coventry.

"Kami jelas memantau segala perkembangan... kami mempunyai Mahkamah Timbang Tara Sukan yang memiliki bahagian sementara, bahagian *ad hoc*, yang beroperasi sepanjang temasya berlangsung dan merekalah yang akan menangani penyelesaian semua pertikaian undang-undang," kata Coventry pada sidang media Selasa.

Pada 5 Julai, jawatankuasa disiplin Persekutuan Bola Sepak Antarabangsa (FIFA) menggantung hukuman kad merah pemain skuad kebangsaan AS, Folarin Balogun sekali gus membolehkannya beraksi dalam perlawanan pusingan 16 menentang Belgium.

Trump kemudian berkata beliau menghubungi FIFA selepas penyerang itu dilayangkan kad merah, selain mengucapkan terima kasih kepada badan induk bola sepak dunia itu kerana "membetulkan satu ketidakadilan besar".

Walaupun Belgium mengemukakan bantahan, Balogun tetap beraksi dalam perlawanan itu. Bagaimanapun, Belgium menewaskan AS 4 - 1. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

PIHAK Berkuasa Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (SHENA) telah ditubuhkan berikutan penggubalan Akta Pihak Berkuasa Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar, Bab 227, yang telah ditandatangani oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 6 Oktober 2018. SHENA merupakan pihak berkuasa kebangsaan yang bertanggungjawab dalam mengawal selia keselamatan dan kesihatan di tempat kerja, alam sekitar serta perkara berkaitan sinaran. Undang-undang di bawah bidang kuasa SHENA termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan di Tempat Kerja, Bab 277, dan Akta Perlindungan Sinaran, Bab 228.

SUMBER : <https://shena.gov.bn/>.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA TERUS MELIMPAHKAN RAHMAT, HIDAYAH, KEKUATAN KEPADA RAJA KITA